# LAPORAN TAHUNAN 2021

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Majlis Agama Islam Selangor



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**
D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis),
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), D.K. (Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
**SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**


SELANGOR


SELANGOR

Majlis Agama Islam Selangor

# Kandungan
## Laporan Tahunan MAIS 2021


6 Prakata Pengerusi MAIS

10 Prakata Setiausaha MAIS

16 Anggota MAIS Sesi 2021-2023

18 Pengurusan Tertinggi MAIS

20 Maklumat Korporat MAIS

21 Carta Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Selangor

22 Agensi dan Anak Syarikat

23 Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021

79 Laporan Aktiviti MAIS 2021

109 Laporan Pencapaian Agensi Dan Anak Syarikat MAIS 2021

127 Laporan Program Rasmi, Lawatan & Aktiviti MAIS 2021

133 Keratan Akhbar, Media Elektronik & *Online* 2021

149 Anugerah & Pengiktirafan 2021

152 Direktori MAIS

**Y.A.D. TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF**
P.S.M., P.S.D., S.P.M.S., D.C.S.M., D.S.S.A., K.M.N., A.M.N.
**PENGERUSI**
Majlis Agama Islam Selangor



# Prakata Pengerusi
## Majlis Agama Islam Selangor

بسم الله الرحمن الرحيم

Assalamualaikum W.B.T.

**Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, segala puji bagi Allah S.W.T, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta para tabiin dan para ulama'.**

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T serta Menjunjung Kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj yang telah berkenan melantik saya sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi sesi 2021 hingga 2023. Tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan ini akan dilaksanakan dengan telus dan penuh integriti demi kebaikan dan kemaslahatan umat Islam di Negeri Selangor.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana MAIS telah berhasil menyediakan Laporan Tahunan serta Penyata Kewangan bagi tahun 2021 dengan jayanya walaupun tahun 2020 itu penuh cabaran dan rintangan dalam berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19.

## Tahun 2021, Lembaran Baru Selepas Pandemik COVID-19

Menyingkap lembaran tahun 2021, pencapaian MAIS terus diukur dengan mencipta pelbagai kejayaan sepanjang tahun 2021. Kerjasama di antara Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS terus diperkukuh dan menjadi teras kejayaan MAIS sehingga ke tahap kini.

Pelan Strategik MAIS 2020-2024 telah dilaksanakan seperti yang dirancang dan menjadi kayu ukuran dalam mencipta kejayaan. Penglibatan bersama di antara MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS diteruskan dalam memastikan titik kejayaan itu dapat dihasilkan bersama. Pelbagai program dan aktiviti telah ditambah baik demi memastikan kemaslahatan masyarakat Islam di Negeri Selangor ini terus dipelihara.

Pada tahun 2021 juga MAIS meneruskan usaha untuk mencipta nama di persada nasional. Usaha ini menunjukkan MAIS terus memperluaskan langkah dalam pengurusan hal ehwal Islam demi kemaslahatan umat Islam. Antaranya MAIS telah melancarkan Sistem e-Faraid dan ia merupakan sistem yang pertama diwujudkan oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi manfaat kepada umat Islam dalam melaksanakan pembahagian harta pusaka dengan adil dan mengikut hukum syarak.

## Prestasi Kewangan

Tahun 2021 merupakan tahun ke arah lonjakan ekonomi yang melibatkan semua sektor. Ia terkesan bukan sahaja di Negeri Selangor, malahan melibatkan seluruh negeri di Negara Malaysia. Dalam situasi ini, pelbagai reaksi dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh MAIS bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS dalam memastikan sosio ekonomi di Negeri Selangor terus kekal utuh.

Oleh itu, pendapatan MAIS mengikut pecahan kumpulan wang adalah seperti yang berikut:

| PERKARA | TAHUN | |
|---|---|---|
| | PENDAPATAN / KUTIPAN | |
| | **2021 (RM)** | 2020 (RM) |
| Kumpulan Wang Zakat | **1,000,449,861** | 919,154,044 |
| Kumpulan Wang Sumber Am | **33,749,997** | 41,631,426 |
| Kumpulan Wang Wakaf | **11,465,952** | 9,625,275 |

## Pencapaian Kutipan Zakat Dan Wakaf Tahun 2021

Alhamdulillah, berdasarkan kepada penyata kewangan bagi tahun 2021, pendapatan kutipan Kumpulan Wang Zakat meningkat dari RM919,154,044 kepada RM1,000,449,861. Kenaikan sebanyak 8 peratus menunjukkan masyarakat Islam di Negeri Selangor semakin cakna terhadap kewajipan berzakat.

Peningkatan ini juga menunjukkan masyarakat telah meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada LZS untuk membantu dan menyantuni lapan (8) golongan asnaf di Negeri Selangor ini.

Dalam tempoh pandemik COVID-19, LZS telah mengagihkan bantuan sebanyak RM62,500,000.00 bermula Julai hingga Disember 2021 kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor yang terkesan akibat penularan COVID-19. Bantuan Khas COVID-19 ini tertumpu kepada bantuan guru Kelas Asas Fardu Ain (KAFA), bantuan kewangan bulanan serta bantuan alternatif insan terkesan.

Selain itu, bagi tahun 2021, LZS juga memberi tumpuan membantu mangsa-mangsa banjir di Negeri Selangor. Bantuan khas banjir telah diperuntukkan sebanyak RM42,400,000.00 dan telah diagihkan kepada penerimanya. Antara jenis bantuan yang disediakan ialah bantuan kecemasan, sumbangan baik pulih pasca banjir (institusi), bantuan pasca banjir (keperluan asas rumah) dan bantuan baik pulih rumah.

Trend prestasi kutipan Kumpulan Wang Wakaf juga telah menunjukkan peningkatan. Jumlah yang terkumpul bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM64,007,000.00. Peningkatan pada tahun 2021 menunjukkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) terus komited dalam menyampaikan dakwah kebaikan berwakaf kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor.

Selain itu, PWS juga telah memperoleh kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan bagi Wakaf pada 9 Jun 2021. Kelulusan ini berkuat kuasa untuk tempoh lima (5) tahun bermula 1 Mei 2021 sehingga 30 April 2026. Pewakaf (individu atau syarikat) layak diberi potongan cukai bersamaan amaun yang diwakafkan namun terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat.

## Kecemerlangan Anak Syarikat MAIS 2021

Selain kutipan zakat dan wakaf, kecemerlangan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) diteruskan pada tahun 2021. Pelbagai usaha telah dilaksanakan hasil kerjasama di antara MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS. Bagi tahun 2021, TERAS telah berjaya untuk menyediakan dividen kepada MAIS dengan jumlah sebanyak RM192,186.00.

Tahun 2021 adalah merupakan dividen yang tertinggi diberikan oleh TERAS berbanding pada tahun 2020 iaitu berjumlah RM53,550.25. Kenaikan sebanyak 72 peratus menunjukkan TERAS terus mengorak langkah kecemerlangannya dalam menyantuni asnaf terutamanya melibatkan penghasilan usahawan-usahawan di kalangan asnaf di Negeri Selangor.

Cabaran yang berlaku pada 2021 banyak mengajar MAIS bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS untuk kesegeraan dalam mengambil tindakan, berdisiplin serta bertanggungjawab menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor.

Akhir kata, bagi pihak anggota-anggota MAIS, pegawai dan kakitangan saya menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, sebagai Ketua Agama Islam atas kepercayaan dan titah nasihat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam memartabatkan syiar Islam di Negeri Selangor.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan juga kepada Kerajaan Negeri Selangor, ketua-ketua jabatan yang telah berusaha memberikan yang terbaik untuk MAIS terus maju ke hadapan. Penghargaan ini juga saya tujukan khas kepada anggota-anggota MAIS, ahli-ahli jawatankuasa tetap dan kakitangan MAIS. Semoga Allah S.W.T. merahmati segala usaha yang telah diberikan dalam memastikan MAIS sebuah Institusi Islam yang unggul di Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.
Wassalam.

**Y.A.D. TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF**
P.S.M., P.S.D., S.P.M.S., D.C.S.M., D.S.S.A., K.M.N., A.M.N.
**PENGERUSI**
**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

**YBHG. DR. HAJI AHMAD SHAHIR BIN MAKHTAR**
A.I.S., P.J.K.
**SETIAUSAHA**
Majlis Agama Islam Selangor



# Prakata Setiausaha
## Majlis Agama Islam Selangor

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum W.B.T.**

**Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang,**

**Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi atas limpah kurnia, MAIS dapat menghasilkan serta menerbitkan Laporan Tahunan 2021 yang mengandungi Laporan Penyata Kewangan MAIS dan aktiviti-aktiviti MAIS bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS sepanjang tahun 2021. Laporan yang disediakan secara eksklusif ini untuk hebahan kepada masyarakat Islam khususnya di Negeri Selangor dan Malaysia amnya.**

## Cabaran Tahun 2021

Tahun 2021, sekali lagi menunjukkan MAIS berhadapan cabaran dalam mengekalkan kecemerlangan apabila negara masih lagi bergelut kesinambungan COVID-19 iaitu endemik COVID-19. Dalam situasi endemik ini, pelbagai sektor dalam tempoh pemulihan dan cabarannya kian memuncak. Begitu juga dengan MAIS. Antara yang terlibat dalam pemulihan ini adalah sektor ekonomi.

MAIS terus komited dengan menghasilkan beberapa inisiatif untuk mengekalkan komitmen dan kemajuan sosio dan ekonomi ummah khususnya di Negeri Selangor. Keprihatinan MAIS diperluaskan dengan menggiatkan lagi aktiviti dalam menyampaikan sumbangan kebajikan dan dakwah pengurusan harta kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor.

Program secara bersinergi juga telah dilaksanakan serta diperluaskan dengan penglibatan Jabatan-jabatan Hal Ehwal Islam Selangor seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dan Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS). Program yang dirangka adalah bagi memastikan objektif dan matlamat penyampaian lebih kondusif terutamanya kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor seiring dengan hasrat dan pelaksanaan Kerajaan Negeri Selangor.

Tidak ketinggalan juga kepada agensi dan anak syarikat MAIS di bawah seliaan MAIS. Agensi MAIS seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) serta Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) terus meningkatkan hasil kutipan dan agihan kepada golongan bersasar. Anak syarikat yang bernaung di bawah MAIS seperti Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) dan Bakti Suci Holdings Sdn Bhd (BSHSB) terus menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor.

Kejayaan bersama di antara Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS telah diterjemahkan dalam Pelan Strategik MAIS 2020 – 2024. Pencapaian bagi tahun 2021 telah menunjukkan kerjasama yang jitu antara semua telah membuahkan hasilnya. Bagi tahun kedua pelaksanaan PSM 2020 – 2024, secara keseluruhannya MAIS telah mencapai sebanyak 76.6 peratus. Pecahan pencapaian bagi setiap inisiatif adalah seperti berikut:

## Pencapaian Inisiatif




## Pelaksanaan Mesyuarat MAIS

Penerapan nilai murni seperti syura menjadi wadah utama dalam menentukan keputusan. Mesyuarat MAIS bagi tahun 2021 berakhir pada 31 Disember 2021 telah bersidang sebanyak lima (5) kali dan Mesyuarat MAIS Khas satu (1) kali dalam memutuskan perkara-perkara yang melibatkan perundangan serta isu-isu berbangkit berhubung hal ehwal Islam di Negeri Selangor.

Perkara ini adalah seiring dengan peruntukan seksyen 21, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menerangkan bahawa Mesyuarat MAIS hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya.

Pelaksanaan Mesyuarat MAIS adalah seperti berikut:

| BIL. | PELAKSANAAN | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | Bil. 1/2021 | 19 Januari 2021 |
| 2 | Bil. 2/2021 | 23 Mac 2021 |
| 3 | Bil. 3/2021 | 4 Mei 2021 |
| 4 | Bil. 4/2021 | 13 Julai 2021 |
| 5 | Bil. 5/2021 | 28 September 2021 |
| 6 | Bil. 6/2021 | 23 November 2021 |
| 7 | Khas Bil. 1/2021 | 1 Mac 2021 |
| 8 | Khas Bil. 2/2021 | 3 Ogos 2021 |
| 9 | Khas Bil. 3/2021 | 9 November 2021 |

Selain itu, MAIS juga mempunyai Jawatankuasa yang bertindak dalam menjalankan kewajipan dan fungsinya di bawah seksyen 27, Enakmen Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Mesyuarat jawatankuasa yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

| BIL. | ENAKMEN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003 SEPANJANG TAHUN 2021 | URUSETIA | KEKERAPAN MESYUARAT |
|---|---|---|---|
| 1 | Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pencalonan (JKTP) | MAIS | 5 |
| 2 | Jawatankuasa Kewangan Dan Pelaburan (JKP) | MAIS | 5 |
| 3 | Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi (JKPE) | MAIS | 4 |
| 4 | Jawatankuasa Pembangunan Baitulmal (JKPB) | MAIS | 4 |
| 5 | Jawatankuasa Pembangunan Keluarga dan Wanita (JKPKW) | JAIS | 3 |
| 6 | Jawatankuasa Khutbah (JKK) | JAIS | 3 |
| 7 | Jawatankuasa Undang-Undang (JKUU) | MAIS | 6 |
| 8 | Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Islam Dan Tahfiz (JKPIT) | JAIS | 4 |
| 9 | Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid Dan Surau (JATUMS) | JAIS | 4 |
| 10 | Jawatankuasa Dakwah (JKD) | JAIS | 4 |
| 11 | Jawatankuasa Halal (JKH) | JAIS | 3 |
| 12 | Jawatankuasa Pengawalan Akidah (JKPA) | JAIS | 4 |
| 13 | Jawatankuasa Audit (JKA) | MAIS | 4 |
| 14 | Jawatankuasa Pusat Arahan Nadi (JKPAN) | MAIS | 3 |
| 15 | Jawatankuasa Tauliah (JKT) | JAIS | 4 |
| 16 | Jawatankuasa Hal Ehwal Mualaf (JHEM) | MAIS | 3 |
| 17 | Jawatankuasa Riqab (JAWKAR) | MAIS | 4 |
| 18 | Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM) | MAIS | 5 |
| 19 | Jawatankuasa Risiko & Pematuhan (JRP) – mulai 28.9.2021 | MAIS | 1 |
| 20 | Jawatankuasa Falak | JMNS | 2 |
| 21 | Jawatankuasa Hakam | JAKESS | 3 |
| 22 | Jawatankuasa Peguam Syarie | JAKESS | 6 |
| 23 | Jawatankuasa Fatwa | JMNS | 5 |
| 24 | Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah | JAKESS | 2 |

## Usaha MAIS Ke Arah Kecemerlangan

Kecemerlangan organisasi tertakluk kepada kecemerlangan yang dipamerkan oleh warga kerjanya dalam sesebuah organisasi tersebut. Begitu juga MAIS. MAIS terus meningkatkan kredibiliti di peringkat negeri dengan pelbagai aktiviti dalam menyantuni masyarakat Islam serta tingkatkan sosio-ekonomi masyarakat Islam di Negeri Selangor.

Kredibiliti dan imej MAIS terus diperluaskan dalam menyampaikan maklumat terkini perkhidmatan yang disediakan oleh MAIS kepada masyarakat awam di Negeri Selangor. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah penerangan perkhidmatan MAIS di media massa, persidangan peringkat negeri dan kolaborasi agensi di peringkat negeri dan persekutuan.

MAIS bersama agensi dan anak syarikat MAIS turut terlibat dalam penyampaian sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir yang terkesan pada akhir tahun 2021. MAIS bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS telah memperuntukkan sumbangan berjumlah RM38,100,000.00 untuk diagihkan kepada mangsa banjir di Negeri Selangor.

Tidak ketinggalan sumbangan banjir yang diberikan kepada mangsa banjir luar dari Negeri Selangor. Negeri yang terlibat dalam penerimaan sumbangan oleh MAIS bersama agensi dan anak syarikat MAIS seperti Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu berjumlah RM300,000.00.

MAIS turut memperkasakan agihan fidyah kepada seluruh penerima di Negeri Selangor. Agihan fidyah yang dilaksanakan adalah berbentuk tunai dan barang kering. Jumlah agihan fidyah bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM3.74 juta. Agihan ini melibatkan seramai 37, 491 orang penerima melalui 1,125 Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM).

MAIS juga tidak ketinggalan dalam era revolusi industri 4.0. Perkhidmatan digital diperkasakan. Hasilnya, MAIS telah melaksanakan satu (1) inovasi dalam digitalisasi bagi memudahkan masyarakat Islam di Negeri Selangor ini dalam pengurusan harta. MAIS telah mewujudkan platform secara dalam talian iaitu Sistem Wasiat dan Hibah atau dikenali sebagai SISWA, Sistem e-Faraid.

Ini merupakan inovasi yang pertama diwujudkan oleh MAIS di antara Majlis Agama Islam Negeri-Negeri. Kejayaan yang dilakarkan ini meletakkan MAIS selangkah di hadapan dalam era digitalisasi bagi menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat Islam khususnya di Negeri Selangor.

Peningkatan Imej MAIS di persada negeri Selangor dan Malaysia menjadi salah satu hala tuju MAIS bagi tahun 2021. Strategi sinergi antara media perdana dan media sosial menjadi elemen utama perkongsian info dan aktiviti MAIS. Tidak ketinggalan pelbagai aktiviti Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS juga dikongsikan di medan ini.  Hasilnya pada tahun 2021 MAIS telah mendapat sebanyak 531 liputan di media perdana.

MAIS juga menggiatkan penyebaran info perkhidmatan MAIS melalui kempen dan promosi secara berkala termasuk kempen Bulan Sedekah, Bulan Faraid, Fahami Fidyah, Bulan Pembebasan Riqab, Klinik Guaman Syarie dan sebagainya agar masyarakat sentiasa memahami berkaitan perkhidmatan MAIS.

Secara keseluruhannya tahap kepuasan pelanggan bagi keseluruhan perkhidmatan di MAIS bagi tahun 2021 adalah pada tahap yang baik mengikut skala yang memuaskan dengan mendapat 88 peratus. Walau bagaimanapun, MAIS akan sentiasa memastikan perkhidmatan MAIS adalah sentiasa terbaik.

Selain itu, MAIS turut mempertingkatkan pelbagai aktiviti dan program pada tahun 2021. Hasilnya sebanyak 112 aktiviti dan program berjaya dilaksanakan. Antara Program Rasmi yang dilaksanakan adalah Majlis Perutusan Pengerusi MAIS, Pelancaran Sistem Faraid, Pelancaran K-Guam dan sebagainya.

Program Turun Padang Pengerusi MAIS ke Pejabat Agama Islam Daerah juga berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Bagi tahun 2021 sebanyak 4 kali program Turun Padang yang melibatkan wakil Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS berjaya dilaksanakan. Melalui Program Turun Padang ini secara tidak langsung permasalahan pelbagai peringkat dapat dikenal pasti dan diselesaikan. Tambahan, melalui program ini juga dapat mengeratkan lagi silaturahim antara Pengurusan Tertinggi MAIS dan semua peringkat di daerah-daerah Negeri Selangor.

MAIS juga menjadi medan rujukan pelbagai organisasi termasuk antara Majlis Agama Islam Negeri dan pelbagai organisasi. Antara lain mereka menjadikan MAIS rujukan berkaitan Pemerkasaan Baitulmal, Perundangan dan Pembangunan Sosial. Bagi tahun 2021 sahaja, MAIS telah menerima sebanyak 18 lawatan dari pelbagai agensi dan organisasi.

Selain itu, Pemerkasaan Baitulmal dan Ekonomi turut menjadi hala tuju utama MAIS. Antara lain, perkhidmatan secara digital diberi keutamaan bagi memudahkan masyarakat menyelesaikan pelbagai urusan berkaitan harta pusaka dan pelbagai inisiatif digerakkan dalam penerokaan hasil melalui pembangunan ekonomi.

Sejajar dengan pencapaian ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kejayaan MAIS serta agensi dan anak syarikat di bawahnya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baiknya. Semoga komitmen yang diberikan ini menerima balasan yang setimpalnya daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.
Wassalam.

**YBHG. DR. HAJI AHMAD SHAHIR BIN MAKHTAR**
A.I.S., P.J.K.
**SETIAUSAHA**
**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

# Anggota MAIS
## Sesi 2021-2023



**YAD TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF**
P.S.M., P.S.D., S.P.M.S., D.C.S.M., D.S.S.A., S.M.S., K.M.N., A.M.N.
Pengerusi MAIS



**YAD DATO' HAJI EMRAN BIN HAJI KADIR**
D.S.S.A, K.M.N., A.M.N.
Timbalan Pengerusi MAIS/ Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling, Orang Besar Daerah Petaling



**YB DATO' HAJI MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA**
D.P.M.S.,S.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tamat 2 Februari 2021



**YB DATO' NOR AZMIE BIN DIRON**
D.P.M.S.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tamat 31 Oktober 2021



**YB DATO' HAJI HARIS BIN KASIM**
D.P.M.S.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Mulai 1 November 2021



**YB DATO' SALIM BIN SOIB @ HAMID**
D.S.D.K.
Penasihat Undang-Undang Negeri



**YAD DATO' DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR**
D.P.M.S.
Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor
Mulai 21 Mei 2021



**YDH CP DATO' ARJUNAIDI BIN MOHAMED**
D.I.M.P., S.M.S., S.A.P., S.M.T., P.S.K., P.S.P.P., P.P.T.
Ketua Polis Selangor



**YBHG. DATO' HAJI MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD**
D.P.M.S., P.P.T.
Sahibus Saadah Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor



**YDM TENGKU SERI PADUKA SHAH BANDAR TENGKU DATO' ARDY ESFANDIARI ALHAJ BIN TENGKU ABDUL HAMID SHAH ALHAJ**
D.S.I.S., S.I.S.



**YB TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI**
P.P.T.
Pengerusi
Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal

# Anggota MAIS
## Sesi 2021-2023



**YAD DATO' SETIA HAJI SALEHUDDIN BIN SAIDIN**
S.S.I.S., D.S.I.S., A.M.S., P.P.T.
Salehuddin Saidin & Associates



**YBHG. PROF. DATO' DR. HAJI MUJAINI BIN TARIMIN**
D.S.I.S.
Profesor Fakulti Pendidikan
Dan Sains Sosial
Universiti Selangor



**YBHG. DATIN PADUKA NORAZLINA BINTI ZAKARIA**
D.S.I.S., A.I.S.
Ketua Pegawai Eksekutif
Worldwide Holdings Berhad



**YBHG. PROF. MADYA DATIN PADUKA SAUDAH BINTI SULAIMAN**
D.S.I.S.
Profesor Madya
Fakulti Undang-undang



**YBHG. PROF. MADYA DR. KHADIJAH BINTI MOHD KHAMBALI @ HAMBALI**
Profesor Madya
Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



**YBHG. PROF. MADYA DR. YASMIN HANANI BINTI MOHD SAFIAN**
Profesor Madya
Fakulti Syariah Dan
Undang-undang
Universiti Sains Islam Malaysia



**YBHG. PROF. MADYA DATO' DR. HAJI MOHD FARID RAVI BIN ABDULLAH**
D.S.I.S., K.M.N., A.I.S.
Rektor
Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor



**YDH DATO' KURNIA BAKTI DIRAJA DATO' MOHD EFFENDI BIN ABDULLAH**
D.S.I.S., S.M.S.



**SAHIBUS FADHILAH AL-'ALIM AL-'ARIF YAD DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID**
S.S.I.S., D.P.M.S., P.P.T.

Tamat 19 Mei 2021
Lantikan semula 21 Mei 2021



**YBHG. TAN SRI DATO' HASHIM BIN MEON**
P.S.M., D.P.M.S., K.M.N.



**YBHG. TAN SRI MAZLAN BIN MANSOR**
P.S.M., P.S.P.P., D.P.M.S., D.P.I.S., D.I.M.P., P.C.M.

# Pengurusan Tertinggi
## Bagi Tahun 2021



**NURHANI SALWA BINTI JAMALUDDIN**
Timbalan Setiausaha (Operasi)



**ROHANA BINTI HASSAN**
Pengarah Khidmat Pengurusan



**NORZAIHAN BINTI MOHD ZAIN**
Pengarah Kewangan



**NORRAINI BINTI NORDIN**
Pengarah



**MOHD FARID BIN BAHARON**
Pengarah Kesetiausahaan



**SHAH RUDDIN BIN ABD HAMID**
Pengarah Ekonomi



**INDERA SHAHRIL BIN MOHD SHAHID**
Pengarah Baitulmal



**SUHAIMI BIN ISMAIL**
Pengarah Pembangunan Sosial



**ZAHARUDIN BIN SALIM**
Ketua Audit Dalam



**ZAHARUDDIN BIN KADIRON**
Pengarah Teknologi Maklumat



**NORLAILI BINTI MOHAMAD**
Pemangku Penasihat Undang-Undang

# KETUA BAHAGIAN



**MUNIRAH BINTI AMINUDDIN**
Ketua Bahagian Undang-Undang Sivil



**SITI ZURINAH BINTI ZAINAL ABIDIN**
Ketua Bahagian Kesetiausahaan



**NOR AZUREEN BINTI RAMLI**
Ketua Bahagian Risiko & Pematuhan



**NOORMALA BINTI MOHD SA'AD**
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat



**ROHAIZUL BIN MOHAMED KHOLIL**
Ketua Bahagian Kewangan



**ZUNAIDAH BINTI MOHD AMRI**
Ketua Bahagian Belanjawan & Perolehan



**NOOR AZIRA BINTI HJ YUNUS @ IMRAN**
Ketua Bahagian Pelaburan & Pengurusan Dana



**NOR SHAFINAS BINTI BUANG**
Ketua Bahagian Sumber Manusia



**SITI JALILAH BINTI MOHD TUBIN**
Ketua Bahagian Pentadbiran



**SATRIATIWANGI BINTI AB RAHIM**
Ketua Bahagian Pengurusan Arkib



**NORHAFIZAH BINTI OTHMAN**
Ketua Bahagian Perancangan Strategik



**MOHD HAFIZ BIN ABDUL SALAM**
Ketua Pusat Penyelidikan



**AHMAD HELMI BIN ABD SUKOR @ RAHMAT**
Ketua Bahagian Tadbir Urus Korporat



**ROHAIDAH BINTI ABU ZAID**
Ketua Bahagian Pengurusan Hartanah



**MUHAMMAD FATHI BIN ZAINAL BAHRIN**
Ketua Bahagian Pengurusan Projek



**MOHD ASYRAFF BIN MOHD ALI**
Ketua Bahagian Pembangunan Ekonomi



**HAFIZATULAKMAL BINTI ABDUL JALIL**
Ketua Bahagian Pendaftaran Muallaf & Pemb. PIBK



**MUHAMMAD ZULHUSNI BIN ABDUL RASHID**
Ketua Bahagian Pemulihan Ar-Riqab



**MOHD ROMZI BIN ABDULLAH SANI**
Ketua Bahagian Harta Baitulmal

# Maklumat Korporat MAIS

## VISI

**"Mendaulatkan Syiar Islam"**

## MISI

**"Memperkasakan Ummah Selaras Dengan Hukum Syarak"**

## TERAS

**Pengukuhan Akidah, Syariah dan Akhlak**
**Pembangunan Sistem Sosial Islam yang Dinamik**
**Pemantapan Sumber Ekonomi Islam**
**Pemerkasaan Urus Tadbir dan Sistem Penyampaian**
**Pemerkasaan Dasar dan Perundangan Islam**

## MOTO MAIS

**"MENGHARAP KEREDHAAN ALLAH"**

## ETIKA KERJA MAIS

**"AMANAH, PRIHATIN DAN MESRA"**

## BUDAYA KERJA

**"ILMU YANG TINGGI, KOMUNIKASI YANG BERKESAN"**

## NILAI MURNI

**"MUHASABAH, AMANAH, ISTIQAMAH, SYURA"**

# Carta Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Selangor



**D.Y.M.M SULTAN SELANGOR**

- **HUKUM SYARAK**
  - JABATAN MUFTI SELANGOR
    - JAWATANKUASA FATWA
- **HAL EHWAL AGAMA ISLAM**
  - MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
    - JAWATANKUASA MAIS
    - JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
    - JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH SELANGOR
    - AGENSI YANG DITUBUHKAN OLEH MAIS
      - LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR)
    - SYARIKAT YANG DITUBUHKAN OLEH MAIS
      - KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR)
      - YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN
      - TERAS
- **KEHAKIMAN**
  - JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR
    - JAWATANKUASA KAEDAH MAHKAMAH
    - HAKIM SYARIE / PENDAFTAR

■ BADAN EKSEKUTIF (JAWATANKUASA FATWA, JAWATANKUASA MAIS)

■ BADAN KEHAKIMAN (JAWATANKUASA KAEDAH MAHKAMAH, HAKIM SYARIE / PENDAFTAR)

*Sumber:* ***Sektor Undang-Undang, MAIS***

# Agensi & Anak Syarikat
## Majlis Agama Islam Selangor

### Bakti Suci Holding Sdn. Bhd. (BSHSB)
Pemaju hartanah dan kontraktor serta Pengurus Projek MAIS

1982

### Lembaga Zakat Selangor (LZS)
Menguruskan kutipan dan agihan dana zakat bagi pihak MAIS

1994

### Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Menawarkan program pengajian dalam pelbagai bidang dari asasi hingga ke program ijazah kedoktoran

1995

### Yayasan Islam Darul Ehsan Selangor (YIDE)
Memberi bantuan/sumbangan kepada mangsa bencana alam, menjaga kebajikan anak yatim dan menyediakan rawatan dialisis

2011

### Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)
Mengurus kutipan wakaf dan menyelenggara hartanah wakaf

2011

### Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS)
Mengagihkan makanan asas dan menyediakan latihan kemahiran kepada asnaf

2011

Majlis Agama Islam Selangor

# Penyata Kewangan
## Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan dan Penyata Prestasi, Penyata Perubahan Dana Amanah, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Majlis, Majlis Agama Islam Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan, Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

2 / 4

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Majlis;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Agama Islam Selangor atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

3 / 4

Anggota Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 14 dalam penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Anggota Majlis, Majlis Agama Islam Selangor berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
13 SEPTEMBER 2022

4 / 4

## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

### PENYATA PENGURUSAN DAN SEORANG AHLI MAJLIS

"Kami, **Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof** dan **Dato' Kurnia Bakti Diraja Dato' Mohd Effendi bin Abdullah** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Selangor dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, penyata kewangan yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi, Penyata Kutipan dan Agihan Zakat, Penyata Perubahan Dana Amanah, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet serta nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Agama Islam Selangor pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya dan perubahan ekuiti serta perubahan kedudukan kewangan kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan terpakai di Malaysia.

Bagi pihak Majlis,

..............................................

**NAMA** : Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof

**GELARAN** : Pengerusi

**Tarikh** : 26 APR 2022

Majlis Agama Islam Selangor
Tingkat 9 & 10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2, Persiaran Masjid
Bukit SUK, Seksyen 5
**40000 SHAH ALAM**

Bagi pihak Majlis,

..............................................

**NAMA** : Dato' Kurnia Bakti Diraja Dato' Mohd Effendi bin Abdullah

**GELARAN** : Ahli Majlis

**Tarikh** : 26 APR 2022

No. 53, Jalan USJ 2/5H
**47600 SUBANG JAYA**

Saya, **Dr. Haji Ahmad Shahir Bin Makhtar (No. K.P: 700322-10-5065)**, yang beralamat di Tingkat 9, Menara Utara, Bangunan Sultan Idis Shah, Persiaran Masjid, Seksyen 5, 40000 Shah Alam Selangor, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(a) saya adalah Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor dan saya telah diberi kuasa oleh Majlis untuk membuat surat akuan ini bagi pihak Majlis;

(b) penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul;

Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa akuan yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui )
oleh yang tersebut namanya di atas iaitu )
**Dr. Haji Ahmad Shahir Bin Makhtar** )
di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan )
pada 26 APR 2022 )

PESURUHJAYA SUMPAH
B 310
NORLIS@NORLI
BINTI ZAHARI
BC/N/590
01-01-2022
31-12-2024
MALAYSIA

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

Unit 12-33 & 33A, Tingkat 12,Plaza Azalea,
No.6, Persiaran Bandaraya,Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

# Penyata Kedudukan Kewangan
## Pada 31 Disember 2021

| | Nota | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2021** | 2020 | **2021** | 2020 |
| | | **RM** | RM | **RM** | RM |
| **ASET** | | | | | |
| **Aset Semasa** | | | | | |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 6 | **952,478,154** | 24,940,984 | **841,299,561** | 672,284,514 |
| Belum Terima | 7 | **22,159,547** | 24,940,984 | **2,582,394** | 6,657,594 |
| Belum Terima Lain | 8 | **7,360,684** | 8,631,202 | **3,092,282** | 4,527,948 |
| Agihan Wakalah Tertunda | 9 | **20,633,080** | 34,086,646 | **20,633,080** | 34,086,646 |
| Pendahuluan kepada Entiti Yang Dikawal | 10 | **-** | - | **600,000** | 500,000 |
| Pembiayaan kepada Entiti Berkaitan | 11 | **16,908,809** | 19,050,088 | **16,908,809** | 19,050,088 |
| Inventori | 12 | **377,609** | 376,400 | **-** | - |
| Aset Dalam Pembinaan | 13 | **13,216,802** | 13,307,092 | **-** | - |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **1,033,134,685** | 889,812,130 | **885,116,126** | 737,106,790 |
| **Aset Bukan Semasa** | | | | | |
| Pendahuluan kepada Entiti Yang Dikawal | 10 | **-** | - | **11,342,087** | 11,942,087 |
| Pelaburan dalam Entiti Yang Dikawal | 14 | **-** | - | **10,655,935** | 10,655,935 |
| Pelaburan dalam Entiti Bersekutu | 15 | **2** | 2 | **-** | - |
| Aset Kewangan Lain | 16 | **159,545,814** | 198,162,325 | **159,545,814** | 198,162,325 |
| Hartanah Pelaburan | 17 | **341,607,362** | 341,404,024 | **341,607,362** | 341,404,024 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 18 | **412,530,028** | 410,255,747 | **391,171,550** | 387,993,145 |
| Aset Tak Ketara | 19 | **339,181** | 651,510 | **337,078** | 648,707 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **914,022,387** | 950,473,608 | **914,659,826** | 950,806,223 |
| **JUMLAH ASET** | | **1,947,157,072** | **1,840,285,738** | **1,799,775,952** | **1,687,913,013** |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# Penyata Kedudukan Kewangan
## Pada 31 Disember 2021 (Samb.)

| | Nota | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Belum Bayar | 20 | **139,799,576** | 145,001,262 | **35,978,240** | 41,517,035 |
| Belum Bayar Lain | 21 | **5,105,486** | 4,391,171 | **4,931,114** | 4,285,042 |
| Pembiayaan Bank | | **169,893** | 226,792 | **-** | - |
| Wang Amanah | 23 | **9,864,161** | 7,440,834 | **9,864,161** | 7,440,834 |
| Wakaf Khas | 24 | **98,261,173** | 76,299,365 | **98,261,173** | 76,299,365 |
| Istibdal Wakaf | 25 | **2,339,144** | 2,339,144 | **2,339,144** | 2,339,144 |
| Pelan Pencen dan Ganjaran | 26 | **101,557** | 19,035 | **101,557** | 19,035 |
| Peruntukan Cukai | | **316,372** | 187,920 | **-** | - |
| | | **255,957,362** | 235,905,523 | **151,475,389** | 131,900,455 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Pembiayaan Bank | 22 | **423,903** | 543,064 | **-** | - |
| Pinjaman Mudah Dari Kerajaan Negeri | 27 | **24,666,952** | 24,566,164 | **-** | - |
| Geran Kerajaan Negeri Berkaitan Aset | 28 | **28,001** | 35,001 | **-** | - |
| Pelan Pencen dan Ganjaran | 26 | **221,793** | 187,905 | **221,793** | 187,905 |
| Pendapatan Tertunda | 29 | **5,100,000** | 5,400,000 | **5,100,000** | 5,400,000 |
| Cukai Tertunda | | **127,971** | 96,325 | **-** | - |
| | | **30,568,620** | 30,828,459 | **5,321,793** | 5,587,905 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **286,525,982** | 266,733,982 | **156,797,182** | 137,488,360 |
| **ASET BERSIH** | | **1,660,631,090** | 1,573,551,756 | **1,642,978,770** | 1,550,424,653 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# Penyata Kedudukan Kewangan
## Pada 31 Disember 2021 (Samb.)

| | Nota | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM |
| **DANA AMANAH:** | | | | | |
| **Dana Terhad** | | | | | |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Zakat | | | | | |
| Wang Kutipan Belum Agih | | **474,469,862** | 403,873,758 | **474,469,862** | 403,873,758 |
| Wang Manfaat Zakat | 35 | **7,548,902** | - | **7,548,902** | - |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Wakaf | | | | | |
| Wang Wakaf Am | | **253,141,217** | 236,903,389 | **253,141,217** | 236,903,389 |
| Wang Manfaat Wakaf | | **2,007,973** | 1,710,623 | **2,007,973** | 1,710,623 |
| **Dana Tidak Terhad** | | | | | |
| Rizab Am | 30 | **60,779,294** | 60,779,294 | **60,772,291** | 60,772,291 |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Sumber Am | | **845,038,525** | 847,164,592 | **845,038,525** | 847,164,592 |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Entiti Yang Dikawal | | **17,645,317** | 23,120,100 | **-** | - |
| | | **1,660,631,090** | 1,573,551,756 | **1,642,978,770** | 1,550,424,653 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# Penyata Kedudukan Kewangan
## Pada 31 Disember 2021

| | Nota | KUMPULAN WANG WAKAF | | KUMPULAN WANG ZAKAT | | KUMPULAN WANG SUMBER AM | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM |
| **ASET** | | | | | | | | | |
| **Aset Semasa** | | | | | | | | | |
| Tunai dan Kesetaraan tunai | 6 | **148,310,694** | 118,338,373 | **478,572,256** | 388,630,125 | **214,416,611** | 165,316,016 | **841,299,561** | 672,284,514 |
| Belum Terima | 7 | **86,985** | 85,995 | **-** | - | **2,495,409** | 6,571,599 | **2,582,394** | 6,657,594 |
| Belum Terima Lain | 8 | **420,686** | 490,863 | **136,876** | 60,365 | **2,534,720** | 3,976,720 | **3,092,282** | 4,527,948 |
| Agihan Wakalah Tertunda | 9 | **-** | - | **20,633,080** | 34,086,646 | **-** | - | **20,633,080** | 34,086,646 |
| Pendahuluan kepada Entiti Yang Dikawal | 10 | **-** | - | **-** | - | **600,000** | 500,000 | **600,000** | 500,000 |
| Pembiayaan kepada Entiti Berkaitan | 11 | **16,908,809** | 19,050,088 | **-** | - | **-** | - | **16,908,809** | 19,050,088 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **165,727,174** | 137,965,319 | **499,342,212** | 422,777,136 | **220,046,740** | 176,364,335 | **885,116,126** | 737,106,790 |
| **Aset Bukan Semasa** | | | | | | | | | |
| Pendahuluan kepada Entiti Yang Dikawal | 10 | **-** | - | **-** | - | **11,342,087** | 11,942,087 | **11,342,087** | 11,942,087 |
| Pelaburan dalam Entiti Yang Dikawal | 14 | **-** | - | **-** | - | **10,655,935** | 10,655,935 | **10,655,935** | 10,655,935 |
| Aset Kewangan Lain | 16 | **-** | - | **-** | - | **159,545,814** | 198,162,325 | **159,545,814** | 198,162,325 |
| Hartanah Pelaburan | 17 | **42,893,967** | 41,593,967 | **-** | - | **298,713,395** | 299,810,057 | **341,607,362** | 341,404,024 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 18 | **153,031,368** | 145,164,242 | **-** | - | **238,140,182** | 242,828,903 | **391,171,550** | 387,993,145 |
| Aset Tak Ketara | 19 | **7,969** | 27,047 | **-** | - | **329,109** | 621,660 | **337,078** | 648,707 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **195,933,304** | 186,785,256 | **-** | - | **718,726,522** | 764,020,967 | **914,659,826** | 950,806,223 |
| **JUMLAH ASET** | | **361,660,478** | 324,750,575 | **499,342,212** | 422,777,136 | **938,773,262** | 940,385,302 | **1,799,775,952** | 1,687,913,013 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# Penyata Kedudukan Kewangan
## Pada 31 Disember 2021 (Samb.)

| | Nota | KUMPULAN WANG WAKAF | | KUMPULAN WANG ZAKAT | | KUMPULAN WANG SUMBER AM | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM |
| **LIABILITI** | | | | | | | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | | | | | | | |
| Belum Bayar | 20 | **5,276,829** | 6,909,802 | **17,323,448** | 18,903,378 | **13,377,963** | 15,703,855 | **35,978,240** | 41,517,035 |
| Belum Bayar Lain | 21 | **634,142** | 588,252 | **-** | - | **4,296,972** | 3,696,790 | **4,931,114** | 4,285,042 |
| Wang Amanah | 23 | **-** | - | **-** | - | **9,864,161** | 7,440,834 | **9,864,161** | 7,440,834 |
| Wakaf Khas | 24 | **98,261,173** | 76,299,365 | **-** | - | **-** | - | **98,261,173** | 76,299,365 |
| Istibdal wakaf | 25 | **2,339,144** | 2,339,144 | **-** | - | **-** | - | **2,339,144** | 2,339,144 |
| Pelan Pencen dan Ganjaran | 26 | | | | | **101,557** | 19,035 | **101,557** | 19,035 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | **106,511,288** | 86,136,563 | **17,323,448** | 18,903,378 | **27,640,653** | 26,860,514 | **151,475,389** | 131,900,455 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | | | | | | | |
| Pelan Pencen dan Ganjaran | 26 | **-** | - | **-** | - | **221,793** | 187,905 | **221,793** | 187,905 |
| Pendapatan Tertunda | 29 | **-** | - | **-** | - | **5,100,000** | 5,400,000 | **5,100,000** | 5,400,000 |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | **-** | - | **-** | - | **5,321,793** | 5,587,905 | **5,321,793** | 5,587,905 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **106,511,288** | 86,136,563 | **17,323,448** | 18,903,378 | **32,962,446** | 32,448,419 | **156,797,182** | 137,488,360 |
| **ASET BERSIH** | | **255,149,190** | 238,614,012 | **482,018,764** | 403,873,758 | **905,810,816** | 907,936,883 | **1,642,978,770** | 1,550,424,653 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# Penyata Kedudukan Kewangan
## Pada 31 Disember 2021 (Samb.)

| | Nota | KUMPULAN WANG WAKAF | | KUMPULAN WANG ZAKAT | | KUMPULAN WANG SUMBER AM | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM |
| **ASET BERSIH (Samb.)** | | **255,149,190** | 238,614,012 | **482,018,764** | 403,873,758 | **905,810,816** | 907,936,883 | **1,642,978,770** | 1,550,424,653 |
| **DANA AMANAH:** | | | | | | | | | |
| **Dana Terhad** | | | | | | | | | |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Zakat | | | | | | | | | |
| Wang Zakat Belum Agih | | **-** | - | **474,469,862** | 403,873,758 | **-** | - | **474,469,862** | 403,873,758 |
| Wang Manfaat Zakat | | | | **7,548,902** | | | | **7,548,902** | |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Wakaf | | | | | | | | | |
| Wang Wakaf Am | | **253,141,217** | 236,903,389 | | | | | **253,141,217** | 236,903,389 |
| Wang Manfaat Wakaf | | **2,007,973** | 1,710,623 | | | | | **2,007,973** | 1,710,623 |
| Dana Tidak terhad | | | | | | | | | |
| Rizab Am | | **-** | - | **-** | - | **60,772,291** | 60,772,291 | **60,772,291** | 60,772,291 |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Sumber Am | | **-** | - | **-** | - | **845,038,525** | 847,164,592 | **845,038,525** | 847,164,592 |
| | | **255,149,190** | 238,614,012 | **482,018,764** | 403,873,758 | **905,810,816** | 907,936,883 | **1,642,978,770** | 1,550,424,653 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# Penyata Prestasi Disatukan
## Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021

| | Nota | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2021 RM** | 2020 RM | **2021 RM** | 2020 RM |
| **HASIL** | | | | | |
| Kutipan Zakat | | **992,911,959** | 912,956,543 | **992,911,959** | 912,956,543 |
| Wakaf Tunai | | **8,618,664** | 8,240,676 | **8,618,664** | 8,240,676 |
| Sumbangan Umum | | **247,076** | 352,003 | **247,076** | 352,003 |
| Sewaan dan Pajakan | | **8,104,232** | 10,108,706 | **8,256,338** | 10,261,576 |
| Zakat Bahagian Amil (Sumber Am) | | **4,000,000** | 2,036,988 | **4,000,000** | 2,036,988 |
| Hasil Lain Sumber Am | | **4,786,872** | 3,582,748 | **4,786,872** | 3,582,748 |
| Upah Fidyah dan Kaffarah | | **1,461,592** | - | **1,461,592** | - |
| Hasil Fi Mahkamah Syariah | | **3,372,162** | 3,774,153 | **3,372,162** | 3,774,153 |
| Hasil Fi Jabatan Agama Islam | | **5,561,646** | 3,937,791 | **5,561,646** | 3,937,791 |
| Keuntungan Pelaburan dan Hibah Simpanan | | **13,012,884** | 24,505,716 | **13,066,434** | 24,693,818 |
| Pendapatan Pengurusan Harta dan Projek | | **4,261,332** | 2,791,628 | **-** | - |
| Pendapatan Perkhidmatan dan Jualan Barangan | | **8,525,236** | 1,548,453 | **-** | - |
Pelancaran disempurnakan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengerusi MAIS dalam Majlis Hi-Tea Bersama Pengamal Media, Rakan Strategik dan Pelancaran Kempen Sedekah Tabung Anak Yatim Negeri Selangor 2021.

Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk menambah dana tabung bagi keperluan anak yatim agar lebih banyak program dapat dilaksanakan terutama membabitkan program sosial dan kebajikan khusus kepada anak-anak ini.

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam menyantuni anak yatim di Negeri Selangor, MAIS memperuntukkan dana daripada Baitulmal MAIS sebanyak RM500,000.00 setiap tahun bagi tujuan kebajikan anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), anak syarikat MAIS selaku penyelaras anak-anak yatim dan rumah pertubuhan anak yatim di Negeri Selangor.

Melalui dana yang terkumpul itu, ia akan digunakan untuk kebajikan anak-anak yatim seperti sumbangan bantuan hari raya dan sebahagiannya juga dimanfaatkan untuk pengurusan rumah-rumah anak yatim yang berdaftar di bawah YIDE.

Sehingga kini, seramai lebih 8,000 orang anak yatim di Negeri Selangor yang telah berdaftar melalui YIDE.

Antara program yang dilaksanakan untuk anak yatim melalui YIDE ialah Sumbangan Hari Raya, Bantuan Pra Persekolahan, Berkhatan Perdana, Kem Motivasi dan Riadah Santai.



# MAIS Adakan Lawatan Rasmi Ke Pejabat Menteri Jabatan Perdana Menteri (Agama)

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hari ini mengadakan lawatan rasmi ke pejabat Menteri Jabatan Perdana Menteri (Agama) diketuai oleh YAD Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengerusi MAIS.

Lawatan disambut mesra oleh YB Senator Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama).

Antara lain tujuan lawatan ialah mengadakan perbincangan bagi usaha penyelarasan isu-isu agama dan perundangan syariah.

Turut hadir dalam lawatan mewakili MAIS ialah YBhg. Prof. Madya Dr. Khadijah Mohd Khambali@Hambali, Anggota MAIS; YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS dan Cik Nurhani Salwa Jamaluddin, Penasihat Undang-Undang MAIS.

Semoga lawatan ini dapat memperkukuh kerjasama antara MAIS dan Kerajaan Persekutuan khususnya, bagi usaha penyelarasan isu-isu agama dan perundangan syariah.







# Program Turun Padang Pengerusi MAIS Ke Daerah Sepang

## Lawat Tiga Lokasi Lihat Perkembangan Hal Ehwal Islam

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof sukacita mengetuai Program Turun Padang ke daerah Sepang bagi melihat sendiri keadaaan hal ehwal Islam di sini.

Program dimulakan di Pejabat Agama Islam Daerah Sepang yang disambut mesra oleh Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Sepang, Ustaz Zamzuri Ruslan.

Perkembangan hal ehwal Islam di Sepang dan perbincangan isu dikongsikan bersama oleh PTA. Beliau juga mengucapkan rasa terharu dengan kehadiran Pengerusi MAIS ke Pejabat Agama Islam Daerah Sepang yang dianggapnya amat bertuah. YAD Pengerusi MAIS turut menyampaikan replika cek berjumlah RM64,900 sebagai simbolik penyampaian bantuan agihan fidyah MAIS kepada mereka yang memerlukan di daerah Sepang.

Seterusnya lawatan diteruskan ke rumah asnaf Lembaga Zakat Selangor (MAIS) yang menerima bantuan bina rumah baru. Rumah asnaf lengkap tiga bilik, berjubin serta dua bilik air ini amat dikagumi. YAD Pengerusi MAIS juga mengingatkan penerima bantuan konsep bersyukur dengan setiap bantuan yang diterima.

Turut hadir Setiausaha MAIS, Ybhg. Dr. Hj. Ahmad Shahir Makhtar, Ketua-ketua Unit dari Pejabat Agama Islam Daerah Sepang dan wakil Pengurusan Tertinggi MAIS.



# Agihan Fidyah Kepada Mereka Yang Memerlukan



Alhamdulillah, selesai agihan Fidyah MAIS pada 5 Mei 2021 di sekitar Klang dan Sepang.

Seramai 294 penerima menerima bantuan fidyah MAIS berupa pek makanan kering bernilai keseluruhan sebanyak RM29,400.

Penerima bantuan adalah mereka yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Sumbangan diagihkan melalui Rakan Strategik MAIS iaitu di Sekolah Rendah Agama Pekan Meru, Sekolah Rendah Agama Bukit Kapar Barat dan Depoh Airport Limo.

Semoga memberi sinar harapan dan meringankan beban kepada mereka yang memerlukan.

# MAIS Bersama Rakan Strategik Menyantuni Guru KAFA Dan Kakitangan Sekolah Yang Terkesan Akibat Pandemik COVID-19

Pihak MAIS berjaya melaksanakan program sumbangan Agihan Fidyah MAIS (AFM) dengan kerjasama 11 Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) yang terdiri daripada Sekolah Rendah Agama dan PIBK.

Agihan melibatkan seramai 179 orang penerima di sekitar daerah Klang dan Kuala Langat yang bernilai RM17,900.00.



## JUN

# MAIS Komited Bantu Petugas Barisan Hadapan Dan Pesakit COVID-19

## Hulur Sumbangan Pek Makanan berjumlah RM26,850 Kepada 8,000 Orang Penerima di Pusat Kuarantin MAEPS dan CAC Stadium Melawati

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terus komited untuk membantu petugas barisan hadapan dan pesakit COVID-19 dengan menghulurkan sumbangan berupa pek makanan berjumlah keseluruhan RM26, 850 kepada 8,000 orang penerima, berikutan penularan kes COVID-19 yang semakin membimbangkan terutama melibatkan kawasan di Lembah Klang.

Sumbangan ini juga bertujuan menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan dan memberi semangat kepada pesakit-pesakit COVID-19 yang dikuarantin terutama di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) MAEPS, Serdang dan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), Stadium Melawati, Shah Alam.

Bantuan berupa pek makanan antaranya ialah roti dan air minuman ini menggunakan peruntukan Baitumal MAIS itu dilaksanakan dengan kerjasama Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd, iaitu anak syarikat MAIS.

Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Puan Nurhani Salwa Jamaluddin, Timbalan Setiausaha MAIS (Operasi) dan En. Zaharuddin Salim, Ketua Audit Dalam MAIS.



# 800 Set Makanan Disumbangkan Untuk PPV Dan PKD

Alhamdulillah selesai penyampaian sumbangan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)

Sumbangan yang diberikan adalah berbentuk makanan dan minuman. PKD dan PPV yang menerima sumbangan ialah PKD Hulu Selangor menerima sebanyak 100 set, PPV Dewan Semai Bakti Felda Soeharto Kuala Kubu Bharu 100 set, PKD Kuala Langat 100 set, PPV Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi 100 set.

Turut manerima PPV Dewan Orang Ramai Kg. Ampang Indah, Hulu Langat 100 set, PPV Dewan Taman Bukit Mewah Kajang 100 set, PKD Hulu Langat 100 set dan PKD Sepang 100 set.

Terima kasih kepada agensi dan anak syarikat MAIS yang bekerjasama dalam pengedaran sumbangan hari ini iaitu Teraju Asnaf Sdn BHD (TERAS) dan Yayasan Islam Darul Eshan (YIDE).



# MAIS Santuni Petugas Barisan Hadapan

## Sumbangan RM28,350 Untuk 7,300 Petugas PKD, PPV dan Hospital Di Negeri Selangor

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyantuni petugas Barisan Hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Hospital di Negeri Selangor dengan mengagihkan sumbangan pek makanan berjumlah keseluruhan RM28,350 kepada 7,300 penerima sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebanyak 10 PPV, 9 PKD dan 10 Hospital di Negeri Selangor menerima sumbangan pek makanan MAIS bertujuan meringankan beban penerima yang menghadapi kekangan mendapatkan makanan dalam tempoh PKP.

Menariknya, pek makanan yang disumbangkan mendapat kerjasama daripada Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS), iaitu Anak Syarikat MAIS.

Antara PPV yang menerima sumbangan MAIS ialah PPV Stadium Tertutup Kuala Selangor, PPV Sabak Bernam dan PPV Gombak, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Manakala PKD yang menerima bantuan ialah PKD Klang, PKD Petaling, PKD Kuala Langat, PKD Hulu Langat dan PKD Sepang.

Bantuan turut disalurkan hari ini kepada petugas Hospital UiTM (500 pek) dan PPV Dewan Berlian, Hospital UiTM, Puncak Alam (300 pek) yang disampaikan oleh YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS.



## JULAI

# Kempen Bulan Faraid Negeri Selangor, Pupuk Kesedaran Masyarakat Cintakan Ilmu Faraid

### MAIS Lancar Kempen Bulan Faraid Negeri Selangor 2021 bermula 5 Julai sehingga 6 Ogos 2021

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah melancarkan Kempen Bulan Faraid Negeri Selangor 2021 bermula 5 Julai sehingga 6 Ogos 2021 bagi memupuk kesedaran masyarakat cintakan ilmu faraid yang kian dilupakan kini.

Pelancaran disempurnakan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abd Aziz Mohd Yusof, Pengerusi MAIS menerusi platform Facebook MAIS yang disiarkan secara langsung semasa merasmikan Webinar Wacana Faraid Online dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini.

Kempen yang bertemakan 'Faraid Dipelihara Waris Bahagia' ini, MAIS mengambil insiatif untuk memberi kefahaman dan mendidik masyarakat agar celik ilmu faraid dan seterusnya menjadikan amalan menguruskan harta, mengikut hukum syarak.

Ilmu faraid merupakan ilmu yang membincangkan kaedah pembahagian harta pusaka kepada waris yang berhak.

Pelbagai program diatur sepanjang kempen berlangsung antaranya ialah hebahan info Faraid, Wacana Faraid, Kuliah Faraid Bersiri, Kuliah Maghrib Faraid, Program Bicara Pusaka dan Slot Celik Pewarisan & Baitulmal.

Masyarakat yang ingin mendapatkan maklumat berhubung aktiviti kempen ini bolehlah mengikuti perkembangan di media sosial MAIS iaitu Facebook Majlis Agama Islam Selangor.



# MAIS Bantu 71 Pemandu Van Sekolah Yang Terkesan COVID-19

Seramai 71 pemandu van sekolah menerima bantuan makanan asas bernilai RM100 melalui program Dapur Fidyah MAIS membabitkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM7,100.

Bantuan berupa set makanan asasi seperti beras, tepung, gula, minyak masak dan gula disalurkan kepada Persatuan Bas Sekolah Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur sebelum diagihkan kepada penerima terbabit.

Penyerahan simbolik bantuan disampaikan oleh YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS kepada Rizana Sadikin, AJK Persatuan Bas Sekolah Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur (PBSSPKL).

Sementara itu, MAIS terus mengagihkan bantuan fidyah dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM39,800 membabitkan kawasan Klang, Petaling dan Sabak Bernam.



# MAIS Sumbang RM50,000 Bantu Urus Pengurusan Jenazah COVID-19

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menghulurkan sumbangan peruntukan Baitulmal MAIS berjumlah RM50,000 bagi menyediakan bekalan peralatan pengurusan jenazah seperti Body Bag dan set Personal Protective Equipment (PPE).

Sumbangan disalurkan kepada Amal Valley Organization iaitu pertubuhan yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk menguruskan jenazah COVID-19 di hospital-hospital di Negeri Selangor.

Menurut Setiausaha MAIS, YBhg. Dr. Hj Ahmad Shahir Makhtar, objektif sumbangan MAIS ini sebagai satu sokongan MAIS kepada maslahah ummah Islam di Negeri Selangor dalam menghadapi situasi getir penularan wabak COVID-19 pada masa kini.

Pengurusan jenazah adalah haddul kifayah umat Islam dan perlu disegerakan setiap pengebumiannya. Oleh itu, dengan adanya sumbangan ini ia dapat melancarkan lagi pengurusan jenazah COVID-19 yang berbeza pengurusannya dengan pengurusan jenazah biasa.



"Kami difahamkan bagi satu kematian berpunca dari COVID-19, ianya memerlukan kos minimum sebanyak RM940.50 seorang. Keperluan yang disediakan satu body bag dan tujuh set PPE. Ia juga perlu diuruskan oleh pasukan yang terlatih dan berpengalaman. Oleh itu, sebagai kebersamaan pihak MAIS dan JAIS dalam urusan melibatkan maslahah ummah ini, sumbangan MAIS ini disalurkan kepada JAIS melalui Amal Velley Organization bagi melancarkan urusan pengebumian." ujar YBhg. Dr. Hj Ahmad Shahir.

Pengerusi Amal Valley Organization, Ybhg. Dr. Azfar Hussin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak MAIS atas sumbangan yang diberikan ini.

"Keperluan PPE meruncing apabila bilangan Jenazah COVID-19 semakin bertambah dan dana semakin berkurangan. Keselamatan sukarelawan menjadi keutamaan kerana bilangan sukarelawan yang 'berani' menguruskan jenazah COVID-19 tidak seramai pengurusan jenazah biasa, maka kewajipan persatuan untuk memastikan keselamatan mereka.

"Terima kasih kepada pihak MAIS & JAIS atas keprihatinan ini, semoga kerjasama seperti ini dapat merancakkan nilai dan semangat kesukarelawanan di kalangan rakyat Malaysia," katanya.



# MAIS Sumbang RM537,500 Bantu Masjid, Surau Dan Pusat Tahfiz Seluruh Negeri Selangor Yang Terkesan Akibat Pandemik COVID-19

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyumbang RM537,500 bagi menampung keperluan masjid, surau dan pusat tahfiz seluruh Negeri Selangor yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dan susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3 sebagai usaha MAIS dalam membantu maslahah ummah.

Daripada jumlah RM537,500 itu, sebanyak RM337,500 diperuntukkan kepada 638 buah masjid dan surau iaitu 316 penerima adalah masjid dan 322 adalah surau yang terpilih di negeri ini mengikut senarai yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Masing-masing menerima bantuan sebanyak RM500.00 bagi setiap masjid/surau.

Manakala sebanyak RM200,000 disumbangkan kepada Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) melibatkan sebanyak 250 buah maahad tahfiz yang terjejas bagi keperluan kos utiliti dan sewaan bangunan di samping penyediaan kemudahan pembelajaran serta kebajikan pelajar-pelajar tahfiz di negeri ini.

Sumbangan berbentuk wang tunai itu diberikan menerusi peruntukan Baitulmal MAIS. Pembayaran sumbangan akan dikreditkan dan akan dilaksanakan secara berperingkat kepada penerima.

Majlis simbolik penyerahan replika cek MAIS disampaikan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengerusi MAIS kepada Ustaz Hashim Muhammad, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS dan Ustaz Muhamad Hafiz Mohamad Haneefa, Pengerusi PITAS di sini hari ini. Hadir sama YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS.



# MAIS Agih RM114,700 Sumbangan Kepada Pengusaha-Pengusaha Bas Sekolah Yang Hilang Punca Pendapatan

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengagihkan 1,147 set makanan asasi kepada pengusaha bas sekolah di bawah Persatuan Bas Sekolah Negeri Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur (PBSSPKL).

Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Setiausaha MAIS kepada Haji Mohamad Harun bin Mohamad Sidik Pengerusi PBSSPKL.

Sumbangan yang diberikan dalam bentuk makanan asasi iaitu beras, minyak, tepung, gula dan pelbaga lagi. Setiap satu set sumbangan bernilai RM100 dan menjadikan jumlah keseluruhan sumbangan bernilai RM114,700.

Pengerusi PBSSPKL berkata sumbangan yang diberikan oleh MAIS ini akan disampaikan kepada semua ahli PBSSKL yang berada di seluruh Negeri Selangor.

Dalam pada masa yang sama beliau turut mengharapkan bantuan seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang untuk membantu pengusaha-pengusaha bas sekolah terutamanya di Negeri Selangor yang terjejas teruk akibat daripada pandemik COVID-19.

Semoga bantuan yang diagihkan ini dapat meringankan kos perbelanjaan seharian pengusaha-pengusaha bas sekolah yang terkesan akibat pandemik COVID-19 ini.



# 156 Jalur Gemilang Diedar Sempena Hari Kebangsaan

## MAIS Edar Jalur Gemilang Kepada Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi dan Anak Syarikat, Semarak Semangat Patriotik

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengambil inisiatif menyemarakkan semangat patriotik menjelang sambutan Hari Kebangsaan dengan mengedarkan 156 Jalur Gemilang kepada Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor (JHEIS), Agensi dan Anak Syarikat pada 25 Ogos 2021 yang lalu.

Daripada 156 Jalur Gemilang itu, sebanyak 11 bendera Malaysia dan 145 bendera pelekat kenderaan diedarkan kepada JHEIS yang terdiri daripada Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dan Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor.

Selain itu, turut menerima Jalur Gemilang adalah Agensi dan Anak Syarikat MAIS seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd dan Bakti Suci Holdings Sdn Bhd.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk menyemarakkan semula semangat patriotik di kalangan masyarakat terutama kepada warga MAIS, JHEIS, Agensi dan Anak Syarikat MAIS dalam menghadapi pandemik COVID-19 yang melanda negara.



SEPTEMBER

# MAIS Terus Salur RM60,400 Ribu Bantu 604 Keluarga Putus Pendapatan

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tetap meneruskan penyaluran bantuan kepada mereka yang terputus pendapatan di sekitar Klang, Kuala Langat dan Hulu Langat pada 11 September 2021 yang lalu.

Seramai 604 keluarga menerima bantuan berjumlah RM60,400. Mereka menerima bantuan berbentuk makanan asasi termasuk beras, tepung, gula bernilai RM100 setiap penerima menggunakan peruntukkan dana fidyah MAIS.

Bagi melancarkan pengagihan sumbangan, seramai 26 Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) terdiri daripada masjid dan surau di sekitar Klang, Kuala Langat Dan Hulu Langat membantu MAIS menyalurkan sumbangan terus kepada penerima yang telah dikenalpasti.

Penerima di sekitar Klang seramai 220 keluarga, Kuala Langat 72 keluarga dan Hulu Langat 312 keluarga.



# MAIS Agih RM1.9 Juta Wang Fidyah Bantu 4,225 Penerima Masyarakat Orang Asal Islam Dan Pemandu Teksi Yang Terkesan Dengan Pandemik COVID-19

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengagihkan RM1.9 juta wang fidyah bagi membantu masyarakat orang asal Islam dan pemandu teksi yang terkesan dengan pandemik COVID-19 pada 28 September 2021 yang lalu.

Daripada jumlah RM1.9 juta itu, sebanyak RM1,775,000.00 diagihkan kepada 3,550 penerima di kalangan ahli Gabungan Pertubuhan Teksi, Kereta Sewa, Limosin & Teksi Lapangan Terbang Se'Malaysia (GTSM) manakala RM135,000.00 disumbangkan kepada 675 keluarga di kalangan masyarakat orang asal Islam menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 4,225 penerima.

Penerima sumbangan bagi ahli GTSM menerima bantuan wang tunai sebanyak RM500 setiap keluarga, manakala masyarakat orang asal Islam menerima wang tunai sebanyak RM200 setiap keluarga beserta pek makanan asasi bernilai RM100 seperti beras, tepung, gula dan minyak masak.

Majlis simbolik penyerahan replika cek MAIS disampaikan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, Pengerusi MAIS kepada wakil penerima RSAFM iaitu Gabungan Pertubuhan Teksi, Kereta Sewa, Limosin & Teksi Lapangan Terbang Se'Malaysia (GTSM) dan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) Negeri Selangor. Turut hadir, YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Setiausaha MAIS.

Sehingga kini, MAIS telah meluluskan permohonan fidyah sebanyak RM7,561,100.00 dan telah mengagihkan sumbangan kepada 33,398 keluarga penerima dengan jumlah agihan sebanyak RM4,827,300.00 dari peruntukan agihan fidyah MAIS sejak program agihan fidyah MAIS ini dilancarkan pada 28 Disember 2020.



## OKTOBER

# MAIS Sumbang RM115,000 Bantu 794 Anak-Anak Yatim Yang Terkesan Dengan Pandemik COVID-19

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyumbang RM115,000.00 bagi membantu 794 anak-anak yatim sekitar Selangor yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan susulan penguatkuasaan Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 sebagai usaha MAIS dalam membantu maslahah ummah pada 15 Oktober 2021 yang lalu.

Sumbangan diberikan menerusi peruntukan Baitulmal MAIS kepada YIDE selaku anak syarikat MAIS yang bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelia hal ehwal kebajikan anak-anak yatim dan bantuan musibah kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor.

Penyampaian replika cek sumbangan disempurnakan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengerusi MAIS kepada DYTM Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor dalam Majlis Pelancaran Bulan Anak Yatim dan Penyerahan Replika Cek Sumbangan Syarikat Korporat untuk Aktiviti Kebajikan YIDE kepada DYTM Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor di sini hari ini.

Hadir sama YBhg. Dato' Haji Bakhtiar Bin Hussin, Pengerusi YIDE dan YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS.



# Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Terima Lawatan Dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima lawatan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 28 Oktober 2021 yang lalu.

Delegasi diketuai oleh Tuan Haji Ruslan bin Said, Pengarah Kanan Bahagian Dakwah, JAKIM bertujuan untuk mengadakan taklimat pengenalan Sistem E-Muallaf yang telah dibangunkan oleh JAKIM. Ustaz Suhaimi bin Ismail, Pengarah Pembangunan Sosial mengalu-ngalukan kehadiran delegasi dari JAKIM seterusnya mempengerusikan lawatan hari ini.

Turut hadir mewakili MAIS ialah Ustazah Hafizatulakmal, Ketua Bahagian Pendaftaran & Pembangunan PIBK, Encik Zaharuddin bin Kadiron, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat dan Encik Mohammad Hafiz bin Alimun, Ketua Jabatan Pembangunan Insan dan Ekonomi, LZS.



# Pengerusi MAIS Rasmi Pecah Tanah Projek Perumahan Wakaf Di Jalan Meru, Klang

Pengerusi MAIS, YAD Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusof hari ini merasmikan Majlis Perasmian Dan Pecah Tanah Projek Perumahan Wakaf Urus Maju Ehsan (UME) Impian dan UME Idaman Di Lot 2338 Dan Lot 2788 Jalan Limau, Meru, Klang pada 28 Oktober 2021 yang lalu.

Pembangunan perumahan wakaf di atas kedua - dua tanah ini adalah menggunakan kaedah Istibdal. Kaedah ini telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke 5/2017 bertarikh 17 Oktober 2017.

Kedua-dua tanah ini telah diwakafkan kepada MAIS pada 23 Mei 1972 oleh Haji Ali Bin Abdullah dan Haji Abdul Ghani Bin Abdul Salam untuk manfaat Masjid Asy-Syarif, Meru, Klang. Selaras dengan niat pewakaf, hasil pembangunan di atas tanah wakaf ini akan disalurkan sebahagiannya kepada pihak Masjid Asy-Syarif, Meru, Klang.

Turut hadir YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar Setiausaha MAIS, YAD Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abdul Wahid ALP PWS, YBhg. Dato' Bakhtiar bin Hussin ALP UME, YBhg. Dato' Mohammad Bin Yacob Ketua Pegawai Eksekutif PWS, Puan Norzaton Aini Binti Mohd Kasim Pengerusi Urus Maju Ehsan (M) Sdn Bhd dan Haji Haznidan Bin Mahmud Pengarah Urusan Urus Maju Ehsan (M) Sdn Bhd.



NOVEMBER

# Program Turun Padang Pengerusi MAIS Ke Daerah Gombak

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof sukacita mengetuai Program Turun Padang ke daerah Gombak bagi melihat sendiri keadaaan pengurusan hal ehwal Islam di Daerah Gombak pada 16 November 2021 yang lalu.

Program dimulakan di Pejabat Agama Islam Daerah Gombak yang disambut mesra oleh Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Gombak, Ustaz Mohamed Tahir bin Abd. Manap.

Turut diadakan simbolik penyerahan sumbangan van jenazah daripada Lembaga Zakat Selangor yang jumlah RM200,000.00. Sumbangan ini telah disempurnakan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof selaku Pengerusi MAIS.

Antara penerima sumbangan van jenazah ini ialah Masjid Al Firdaus Bandar Baru Selayang, Masjid Jamiatus Solahiah, Masjid Al-Sharif Simpang 3 Gombak dan Masjid Al Hidayah, Taman Melawati.

Program diteruskan dengan lawatan ke pejabat-pejabat di Pejabat Agama Islam Daerah Gombak dan pejabat Baitumal MAIS Daerah Gombak serta seterusnya ke Mahkamah Rendah Syariah Gombak.

Turut hadir OBD Gombak YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Setiausaha MAIS, YBhg. Dr. Hj. Ahmad Shahir bin Makhtar, Pemangku Penasihat Undang- Undang, Puan Norlaili binti Mohamad, Pengarah Pembangunan Sosial Ustaz Suhaimi bin Ismail, Pengarah Baitulmal Ustaz Indera Shahril bin Mohd Shahid, Ketua Audit Dalam, Encik Zaharudin bin Salim, Ketua Pendaftar JAKESS Tuan Salehan bin Yatim serta Ketua-ketua Unit dari Pejabat Agama Islam Daerah Gombak.

PTA juga menzahirkan rasa kesyukuran dan terharu dengan kehadiran Pengerusi MAIS serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor ke Pejabat Agama Islam Daerah Gombak.



# Pelatih-Pelatih Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Diberi Penghargaan

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan terus memperkenalkan program yang dapat memberi manfaat kepada golongan asnaf riqab antaranya adalah pelatih-pelatih di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan pada 18 November 2021 yang lalu.

Bagi memberikan penghargaan kepada pelatih-pelatih yang telah berjaya dalam bidang kemahiran dan fardu ain, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan MAIS telah menganjurkan Hari Kecemerlangan Penghuni Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di mana penganjurannya pada tahun ini merupakan kali ke-13 semenjak ia diperkenalkan.

Majlis yang diadakan pada setiap tahun ini bertujuan menyuntik semangat kepada pelatih supaya terus berusaha untuk mencapai kejayaan, di samping memberi dorongan dan keyakinan untuk berjaya dalam bidang akademik walaupun berada di dalam pusat perlindungan. Selain itu, penghargaan ini memberi peluang kepada mereka untuk membentuk sahsiah diri supaya menjadi insan lebih sempurna dan cemerlang.

Seramai 18 orang pelatih Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan telah menerima anugerah meliputi kategori Anugerah Terbaik dan Anugerah Sahsiah & Kepimpinan. Penghargaan ini turut diberikan kepada guru pembimbing sebanyak 20 orang yang menjadi tunjang utama kepada kejayaan pelatih-pelatih di sini.

Sementara itu, dalam majlis yang sama turut diadakan upacara perasmian dewan baru Baitul Ehsan bagi kegunaan pelatih-pelatih di sini yang disempurnakan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengerusi MAIS. Turut hadir ialah YBhg. Prof. Madya Dr. Salasiah Hanin Hamjah, Pengerusi Lembaga Pelawat, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan.



# MAIS Kunjungi Bank Rakyat: Perkongsian Ilmiah
## Berkaitan Risiko dan Pematuhan

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengadakan lawatan ilmiah ke Bank Rakyat Malaysia Berhad di sini bertujuan berkongsi pengalaman berkaitan Risiko dan Pematuhan pada 19 November 2021 yang lalu.

Delegasi dari MAIS seramai 11 orang diketuai oleh Setiausaha MAIS, YBhg. Dr. Hj. Ahmad Shahir Makhtar, disambut baik oleh Pengurusan Tertinggi Bank Rakyat Malaysia Berhad yang diketuai oleh Jufree Soaidin@Djuhari, Relief Chief of Compliance.

YBhg. Dr. Hj. Ahmad Shahir mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi Bank Rakyat Malaysia Berhad yang menerima lawatan dari MAIS.

Melalui lawatan ini juga diharapkan dapat menjalinkan hubungan kerjasama serta ruang peluang meningkatkan hasil dan manfaat bersama, ujar YBhg. Dr. Ahmad Shahir lagi.

Turut hadir Tn Hj Rosli bin Rasol, Anggota Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pencalonan merangkap Penasihat Risiko dan Pematuhan MAIS, Puan Norzaihan Mohd Zain, Pengarah Kewangan MAIS, Ustaz Indera Shahril bin Mohd Shahid, Pengarah Baitulmal MAIS dan Encik Zaharudin Salim, Ketua Audit Dalam MAIS.



# Pengerusi MAIS Lawat Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor

YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengadakan lawatan ke Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor pada 2 Disember 2021 yang lalu.

Lawatan disambut mesra oleh Ustaz Nasrul Hadi Rohani, Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah Kuala Selangor serta pegawai-pegawai yang hadir.

Program bertujuan untuk melihat pengurusan pentadbiran agama Islam terutama di daerah Kuala Selangor di samping berkongsi pengalaman aktiviti dan program yang dilaksanakan di sini.

Antara lain dalam lawatan ialah perkongsian taklimat ringkas daripada PAID Kuala Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Mahkamah Rendah Syariah, Kuala Selangor.

Di akhir program, Pengerusi MAIS dibawa melawat ke Sekolah Rendah Integrasi (SRAI), Mahkamah Rendah Syariah dan Gerai Cendol Borhan.

Turut hadir mengiringi Pengerusi MAIS ialah YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS. Hadir sama ialah YDH Dato' Mohamad Yaacob Dato' Ismail, Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Selangor.



# MAIS Rai Mantan Anggota MAIS Dalam Majlis Jasamu Dikenang

Majlis Malam Jasamu Dikenang Majlis Agama Islam Selangor 2021 disambut meriah dengan kehadiran mantan Anggota MAIS yang diraikan bersama anggota MAIS, Agensi, Jabatan- Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Anak Syarikat MAIS dan pengurusan tertinggi MAIS pada 3 Disember 2021 yang lalu pada 3 Disember 2021 yang lalu.

Majlis yang diadakan ini merupakan majlis penghargaan bagi meraikan jasa dan pengorbanan Mantan Anggota MAIS yang telah berkhidmat bagi tempoh lantikan sesi 2018 - 2020 dan sesi 2021 - 2023.

Seramai lapan orang Anggota MAIS yang diraikan antaranya ialah Sahibul Fadhilah Al-‘Alim Al-‘Arif Dato’ Setia Haji Mohd Tamyes Abd Wahid dan YAD Tengku Seri Wangsa Diraja Tengku Dato’ Setia Haji Ramli Alhaj Tengku Shahruddin Shah Alhaj. Turut hadir yang diraikan ialah YBhg. Prof. Madya Dato’ Haji Mohd Mokhtar Shafie.

Sementara itu, YAD Tan Sri Dato’ Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengerusi MAIS dalam ucapannya berkata, beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada Anggota MAIS yang telah banyak memberikan sumbangan dan buah fikiran kepada MAIS terutama dalam pengurusan pentadbiran Agama Islam.

Turut hadir ialah Yang Amat Dihormati Dato’ Haji Emran bin Haji Kadir, Orang Besar Daerah Petaling Merangkap Timbalan Pengerusi MAIS dan YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS.



# MAIS Terima Sumbangan RM3 Juta Dari MAIWP - Untuk Bina Rumah Mangsa Banjir

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima sumbangan pasca banjir dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebanyak RM3 juta khusus untuk membantu membina rumah mangsa banjir di Selangor daripada kalangan asnaf zakat pada 30 Disember 2021 yang lalu.

Delegasi disambut mesra oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, Pengerusi MAIS. Dalam ucapannya beliau menzahirkan rasa terima kasih kepada MAWIP atas sumbangan yang diberikan.

"Terima kasih kepada pihak MAIWP kerana turut menyumbang kepada mangsa banjir di Selangor. Begitu juga kepada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri lain yang perihatinan terhadap mangsa banjir di Selangor."

"Sumbangan yang diberikan kepada pihak MAIS ini akan disalurkan kepada mereka yang terjejas akibat banjir dengan kerjasama agensi dan anak syarikat MAIS mengikut syarat dan ketetapan yang bersesuaian," ujar beliau lagi.

Deligasi MAIWP diketuai oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP bersama 12 anggotanya yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi MAIWP.

Turut hadir YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS, Sahibul Fadhilah Al-'Alim Al-'Arif Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abd Wahid, Anggota MAIS, YAD Dato' Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, En. Saipolyazan bin Mat Yusop Ketua Pegawai Eksekutif LZS dan Ustaz Hidayat Abd Rani, Penolong Unit Korporat JAIS.



Majlis Agama Islam Selangor

# Laporan Pencapaian Agensi Dan Anak Syarikat MAIS

2021

# Laporan Pencapaian Agensi Dan Anak Syarikat MAIS
2021

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

## Zakat Selangor Peduli: LZS Santuni Asnaf Dan Golongan Terkesan

Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagihkan sebanyak RM62.5 juta menerusi 19 inisiatif bantuan di bawah Zakat Selangor Peduli bagi menyantuni asnaf dan golongan B40 terkesan, susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dilaksanakan akibat penularan pandemik COVID-19.

Empat agenda dirangka bagi menyalurkan agihan zakat secara bersasar dengan keutamaan untuk memenuhi keperluan asasi golongan asnaf fakir, miskin dan mualaf, meringankan beban golongan rentan, menyokong pemulihan institusi agama di Selangor serta menyokong keperluan asas barisan hadapan.





## Zakat Selangor Peduli: LZS Jalin Kerjasama PDRM Agih Bakul Makanan

Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntukkan agihan zakat sebanyak RM100,000 berupa bakul makanan di bawah inisiatif bantuan Zakat Selangor Peduli, yang akan diedarkan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada mereka yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19. Sumbangan 1,000 bakul makanan ini diagihkan melalui Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD).

## LZS Terima Anugerah ‘Best Companies To Work For In Asia 2021’

Lembaga Zakat Selangor (LZS) dinobatkan antara 43 syarikat yang menerima anugerah dari *HR Asia - Best Companies to Work for in Asia 2021* (edisi Malaysia) dalam satu majlis berprestij yang diadakan di sini. LZS terpilih dari 270 penyertaan pelbagai syarikat tempatan dan antarabangsa yang beroperasi di Malaysia. *HR Asia Best Companies to Work for in Asia* merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh HR Asia bagi mengiktiraf organisasi seluruh Asia dalam bidang kecemerlangan pengurusan sumber manusia, penjenamaan majikan dan libaturus warga kerja.



## LZS Peruntukan RM6 Juta Sumbangan Tablet Untuk 7,000 Orang Pelajar Asnaf Fakir Miskin Dan Mualaf

Seramai 7,000 pelajar asnaf fakir, miskin dan mualaf Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menerima sumbangan tablet berserta data internet melibatkan peruntukan agihan zakat di bawah inisiatif Zakat Selangor Peduli (ZSP) sebanyak RM6 juta. Ia bagi meringankan beban keluarga asnaf dan memudahkan pelajar yang mengikuti sesi persekolahan melalui pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) akibat pandemik COVID-19.





## LZS Peruntukan Bantuan Zakat Bantu Mangsa Banjir Di Selangor

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalurkan sumbangan RM600 kepada ketua keluarga fakir dan miskin termasuk bukan asnaf yang terjejas dengan bencana banjir besar di Selangor. Sumbangan melalui LZS Peduli ini bagi membantu meringankan beban mangsa yang terlibat dengan bencana tersebut. Dalam masa sama, LZS turut menyalurkan bantuan pek makanan kepada Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang dibuka bagi menempatkan mangsa banjir.

## LZS Salurkan RM250 Ribu Peruntukan Wang Amil Bantu Mangsa Banjir

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalurkan RM250,000 peruntukan wang amil bagi membantu mangsa banjir di Selangor. Bantuan berbentuk sumbangan makanan pek makanan kepada tiga buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan makanan kering serta keperluan asas kepada mangsa banjir yang terkandas di rumah.





## LZS Perkenal 'Iktiraf' Hargai Muzakki Selangor

Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperkenalkan Pengiktirafan Muzakki (IKTIRAF) sebagai tanda penghargaan kepada para muzakki (pengeluar zakat) yang selama ini bersama-sama LZS menyantuni golongan asnaf sekali gus memastikan kelangsungan pengagihan zakat di Selangor. Empat kategori penghargaan diperkenalkan iaitu IKTIRAF Berlian, IKTIRAF Emas, IKTIRAF Perak dan IKTIRAF Gangsa.

## Pencapaian PWS Tahun 2021

1 Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah mencapai usia lebih 11 tahun penubuhannya pada tahun 2021. Dalam tempoh ini, wakaf kini semakin sinonim dalam kalangan masyarakat khususnya di Negeri Selangor.

2 Prestasi Pendapatan/Kutipan PWS Bagi Tahun Kewangan Berakhir Pada 31 Disember 2021 Bagi Kumpulan Wang Korporat dan Wakaf adalah berjumlah RM64.007 juta.

3 Prestasi Perbelanjaan/Agihan PWS Bagi Tahun Kewangan Berakhir Pada 31 Disember 2021 Bagi Kumpulan Wang Korporat dan Wakaf adalah berjumlah RM35.037 juta.

4 Pada tahun 2021, PWS menerima sebanyak 64 lot hartanah wakaf dengan anggaran nilaian berjumlah RM41.19 juta.

5 Pada tahun 2021, PWS telah membuat penambahan 12 buah tabung Wakaf Tunai yang baharu. Keseluruhan tabung Wakaf Tunai yang diuruskan oleh PWS adalah berjumlah 57 buah. Prestasi kutipan wakaf tahun 2021 melalui tabung-tabung tersebut adalah berjumlah RM1.029 juta.

6 Pada tahun 2021, PWS telah melaksanakan agihan sumbangan wakaf di bawah inisiatif Fisabilillah berjumlah RM1.68 juta. Sumbangan wakaf tersebut diberikan kepada 44 buah institusi bagi tujuan membaikpulih dan manaiktaraf aset.

7 Pada tahun 2021, PWS turut terlibat dalam menguruskan sembilan (9) projek pembangunan Wakaf Khas yang melibatkan pembinaan baharu/ naiktaraf masjid utama di Negeri Selangor dengan kos pembangunan keseluruhan adalah berjumlah RM112 juta.

8 Mengambil kira pelaksanaan Perintah kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 dan bencana banjir yang melanda Negeri Selangor pada penghujung tahun 2021, PWS bersetuju memberikan pengecualian bayaran sewaan kepada penyewa hartanah wakaf yang terkesan akibat situasi tersebut dengan nilai keseluruhan berjumlah RM174 ribu.

9 PWS juga telah dianugerahkan Sijil Bersih tanpa teguran terhadap Penyata Kewangan Korporat PWS dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 daripada Jabatan Audit Negara Malaysia.

10 PWS memperoleh kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan bagi Wakaf pada 9 Jun 2021. Kelulusan ini berkuat kuasa untuk tempoh lima (5) tahun bermula 1 Mei 2021 sehingga 30 April 2026. Pewakaf (individu atau syarikat) layak diberi potongan cukai bersamaan amaun yang diwakafkan namun terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat.

11 Kejayaan yang dikecapi kini adalah atas usaha dan sokongan yang berterusan daripada semua pihak. Semoga PWS terus maju kehadapan untuk menjadi institusi wakaf yang mampan, lestari dan profesional dalam memangkin pembangunan Islam dari aspek ekonomi dan sosial.

## Antara Projek Wakaf Khas (Siap Dibina Tahun 2021)


Masjid Puncak Perdana, U10 Shah Alam


Masjid Setia Alam


Masjid Teras Jernang


Masjid Madaniah


Masjid Bandar Bukit Raja Klang (Fasa 1)


Surau SMK Pulau Indah


Surau Al Hidayah, Jalan Kebun Klang


Surau SMK Subang Bestari, U5 Shah Alam


Surau SMK Bukit Kuda (P), Klang

**PENGESAHAN AUDIT TERHADAP
PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG WAKAF
PERBADANAN WAKAF SELANGOR, MAIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf (KWW), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 4 hingga 42. Pengauditan ini adalah bertujuan memberi jaminan terhadap ketepatan dan keberkesanan kawalan serta pengurusan Wang Wakaf di PWS.

Semasa melaksanakan pengauditan, semakan telah dilakukan ke atas sistem kawalan dalaman serta lain-lain aspek kawalan pengurusan wang wakaf dan berpendapat bahawa kawalan dalaman ada diwujudkan. Ujian terhadap transaksi yang direkodkan mendapati PWS telah mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Prosedur Pengurusan Kewangan PWS dengan penambahbaikan yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip wakaf.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 serta International Standards of Supreme Audit Institutions dan pada pendapat saya:

a) Pengurusan Wang Wakaf telah diakaun dan disimpan dengan betul;
b) Kawalan dalaman terhadap Pengurusan Wang Wakaf adalah baik dan dapat memberi jaminan munasabah;
c) Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf telah disimpan dengan baik dan amaun yang dicatatkan adalah amaun Kumpulan Wang Wakaf, Majlis Agama Islam Selangor.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas pengesahan terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS yang diperakaunkan sebagai Kumpulan Wang Wakaf, Majlis Agama Islam Selangor.

**(ZIRAWATI BINTI KADIR)**
**Pengarah Audit Negeri**
**Jabatan Audit Negara Negeri Selangor**

Shah Alam
30 JUN 2022

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

## Majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman MoU di antara Pusat Pendidikan T-VET, KUIS dengan Selangor Technical Skills Development Centre (STDC) dan juga Majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman MoU di antara Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM), KUIS dengan Aerodyne Malaysia Sdn Bhd.

**30 Jun 2021** – Majlis telah diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari dengan ucapan ringkas sebelum majlis menandatangani perjanjian berlangsung.









## Lawatan Tapak Bagi Pengesahan Kebenaran Pelajar Kembali Ke Kampus

**20 Sept 2021** – KUIS menerima lawatan daripada YBhg. Dato Dr. Hafiz Yusoff, Pengarah Bahagian Governan IPTS dan beberapa pegawai KPT sebagai persediaan kemasukan pelajar ke kampus pasca COVID-19.

## Majlis Konvokesyen KUIS Ke-23 Secara Fizikal

**1 Dis 2021 sehingga 6 Dis 2021** – Majlis Konvokesyen KUIS Ke-23 secara fizikal bagi semua sidang bermula pada 1hb hingga 6hb Disember 2021. Majlis Konvokesyen ini dilaksanakan mengikut ketetapan Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Konvokeysen kali ini telah melahirkan seramai 2,407 graduan pelbagai peringkat pengajian.





## Bengkel Rantai Nilai Inovasi 2021 (BERNAS)





**14 Dis 2021** – Satu bengkel hasil usahasama di antara Pejabat SUK Negeri Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Universiti Selangor (UNISEL) dan Agensi Industri Adakan Holdings yang dinamakan 'Bengkel Rantai Nilai Inovasi 2021 (BERNAS)' telah diadakan bermula daripada 4 Disember 2021 sehingga 6 Mac 2022.

BERNAS 2021 adalah satu inisiatif Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi 2021 Selangor yang merupakan satu bentuk program lanjutan pengukuhan pemahaman, Latihan serta penilaian khusus untuk pelajar tahun akhir dan graduan di dalam bidang Teknologi Maklumat dan Multimedia, Pengurusan Perniagaan, Kejuruteraan dan Sains Hayat, di KUIS dan UNISEL yang melibatkan pelbagai fakulti.





## Program "Digital Treasure Hunt" Sempena Program Kemahiran Sains, Teknologi Dan Inovasi (Ksti2021) Negeri Selangor Tahun 2021

**20 Dis 2021 sehingga 31 Dis 2021** – KUIS, DKSS Strategic Solution Sdn Bhd dan Jawatankuasa Tetap Pembudayaan Inovasi Dan SMART SELANGOR telah menganjurkan Program "Digital Treasure Hunt" sempena Program Kemahiran Sains, Teknologi Dan Inovasi Negeri Selangor 2021 (KSTI2021) khusus kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah di seluruh Negeri Selangor.

Program ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kemahiran asas dalam bidang-bidang berkaitan sains, teknologi dan inovatif untuk memastikan golongan pelajar tidak ketinggalan sejajar dengan peningkatan tahap teknologi negara yang semakin pesat.

YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

## YIDE Serah 1,000 Set PPE Kepada JAIS

**Shah Alam, 19 Julai 2021** – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) hari ini menyerahkan 1,000 set Personal Protective Equipment (PPE) terdiri daripada Jumpsuit, Face Shield, Face Mask, Latex Glove & Apron kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Sumbangan Set PPE ini diserahkan oleh En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE kepada Sahibus Saadah YBhg. Dato' Haji Mohd Shahzihan Bin Ahmad, Pengarah JAIS.

Sumbangan hari ini bernilai RM21,360.00 dan diharapkan agar ianya dapat membantu sedikit sebanyak pihak JAIS bersama-sama pihak hospital menguruskan jenazah ini sebaik mungkin.

"Ujar YBhg. Dato' Haji Mohd Shahzihan Bin Ahmad, Pengarah JAIS, Saya mengucapkan terima kasih tidak terhingga atas kecaknaan pihak YIDE menyalurkan sumbangan segera seumpama ini. Pihak JAIS akan mengagihkan set PPE ini kepada setiap daerah untuk digunakan bagi tujuan pengurusan jenazah COVID-19 ini."





Menurut En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE penyerahan sumbangan Personal Protective Equipment (PPE) ini adalah untuk digunakan oleh Unit Pengurusan Jenazah, JAIS bagi menguruskan jenazah-jenazah COVID-19 di setiap hospital daerah dalam negeri Selangor.



Pihak Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengucapkan terima kasih kepada semua penyumbang yang telah menyalurkan sumbangan kepada YIDE bagi membantu golongan sasar yang terkesan sepanjang PKP ini dilaksanakan.

Alhamdulillah, YIDE dapat menyantuni mereka yang terkesan dan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang ramai yang telah menyalurkan sumbangan melalui Tabung Dana Musibah YIDE untuk diserahkan kepada golongan yang memerlukan.

YIDE mengalukan kepada orang ramai untuk menyumbangkan kepada YIDE boleh terus ke platform digital YIDE iaitu; https://yide.com.my/donations/infaq-dana-musibah/ atau terus pindahan dalam talian melalui **Bank Islam YIDE bernombor : 1223 40100 07330**.

Setiap sumbangan semua layak mendapat perlepasan cukai dibawah subseksyen 44 (6) akta cukai pendapatan 1967 melalui resit rasmi Yayasan Islam Darul Ehsan.

## RM75,000.00 Diperuntukkan Bantu Golongan Terkesan COVID-19 PKP 3.0

**Shah Alam, 10 Jun 2021** – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) memperuntukkan RM75,000.00 bagi menyalurkan bantuan kepada golongan yang terkesan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini.

Menurut Pengurus Besar YIDE, En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, sebanyak 2,000 permohonan yang telah diterima oleh pihak YIDE dan sambutan amat menggalakkan kerana pada hari pertama dibuka seramai 1,000 orang telah memohon dan mengisi butiran di pautan yang disediakan oleh YIDE.

Antara kriteria penerima yang ditetapkan oleh YIDE antaranya adalah individu atau ahli keluarga yang diberhentikan kerja akibat COVID-19 ini menjadi keutamaan YIDE untuk dibantu. Alhamdulillah seramai 1,500 penerima akan menerima manfaat ini bermula 9 Jun 2021 setelah disaring dan disemak kelayakan pemohon.

Pek Prihatin yang disediakan oleh YIDE adalah berbentuk barang keperluan asas seperti Beras, mee segera, sardin, susu, gula, tepung, bihun, kicap dan teh uncang akan diserahkan di 5 lokasi yang berbeza melibatkan 5 daerah iaitu Pusat Dialisis MAIS Shah Alam (Petaling), Pusat Dialisis MAIS Kapar (Klang), Pusat Dialisis MAIS Sungai Besar (Sabak Bernam), Pusat Dialisis MAIS Kuala Selangor (Kuala Selangor) dan Pusat DIalisis MAIS Taman Melawati (Gombak).

Pihak YIDE telah menetapkan masa kepada setiap penerima yang akan hadir dan pemakluman telah dihebahkan melalui sistem pesanan ringkas agar tidak berlaku kesesakan semasa mengambil pek prihatin di kaunter-kaunter YIDE yang dibuka di 5 lokasi tersebut.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih pihak YIDE ucapkan kepada semua penyumbang yang telah menyalurkan sumbangan kepada YIDE bagi membolehkan bantuan ini disalurkan kepada golongan sasar yang ditetapkan.

YIDE turut mengajak kepada orang ramai untuk terus menyalurkan sumbangan ke Tabung Infaq Dana Musibah melalui pautan billplz https://yide.com.my/donations/infaq-dana-musibah/ atau sumbangan terus ke akaun **Yayasan Islam Darul Ehsan (Akaun Korporat), Bank Islam, bernombor : 1223 40100 07330**.

Setiap sumbangan layak mendapat perlepasan cukai dibawah subseksyen 44 (6) akta cukai pendapatan 1967 melalui resit rasmi Yayasan Islam Darul Ehsan.

YIDE akan terus komited membantu dan melaksanakan kerja berkebajikan bagi meringankan beban individu yang terkesan tatkala COVID-19 ini melanda di negara kita.







## YIDE, IPK Selangor Lancarkan Inisiatif Prihatin Pelajar Yatim Piatu COVID-19

**SHAH ALAM, 8 Oktober 2021** – Yayasan Islam Darul Ehsan dengan kerjasama pihak Ibu Pejabat Kontinjen Polis Selangor menghulurkan sumbangan kepada pelajar yatim piatu COVID-19.

Seramai 28 pelajar daripada 13 keluarga yang menerima sumbangan 'One Off' bernilai RM500.00 untuk setiap keluarga.

Mewakili YIDE adalah YBhg. Tan Sri Mazlan bin Mansor, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE dan turut dihadiri oleh En. Nur Mohd Razali Abdullah Pengurus Besar YIDE.





Jaringan kerjasama YIDE - IPK Selangor akan dipertingkatkan di masa akan datang bagi memastikan pelajar yatim piatu mendapat bantuan sewajarnya.

Majlis Pelancaran Inisiatif Prihatin Pelajar Yatim Piatu COVID-19 Negeri Selangor disempurnakan oleh YDH Dato' Arjunaidi Mohamed, Ketua Polis Negeri Selangor.

Beliau berkata, Inisiatif Prihatin Pelajar Yatim Piatu COVID-19 itu turut mendapat kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor, Yayasan Islam Darul Ehsan dan Majlis Hindu Sangam Selangor.

Beliau berkata pihak berkenaan akan bekerjasama dalam program ini dari aspek penyaluran maklumat, dana serta bantuan secara berterusan kepada penjaga dan pelajar-pelajar yatim piatu yang terlibat.





BAKTISUCI
HOLDINGS

# Perkhidmatan Pembersihan Dan Pengurusan Bangunan

| BIL. | TAJUK | ORGANISASI | TEMPOH KONTRAK |
|---|---|---|---|
| 1 | Perkhidmatan Pembersihan Dan Pencucian Bangunan Di Kompleks PKNS Shah Alam, Selangor Darul Ehsan | Kompleks PKNS Shah Alam | 01 Dis 2021 – 31 Jan 2023 (14 Bulan) |
| 2 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap Di Kompleks PKNS Bangi (KPB) | Kompleks PKNS Bangi (KPB) | 01 Okt 2021- 30 Sept 2023 (24 Bulan) |
| 3 | Perkhidmatan Pembersihan Dan Pencucian Kawasan Awam Di Menara Worldwide, Bukit Bintang, Kuala Lumpur | Menara Worldwide, Bukit Bintang, Kuala Lumpur | 01 Ogos 2021 – 31 Julai 2022 (12 Bulan) |
| 4 | Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Ruang Pejabat JPS Daerah Secara Berkala Serta Kerja-Kerja Berkaitan | Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor | 1 Mei 2021 – 1 Mei 2022 (12 Bulan) |
| 5 | Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Dan Pejabat Dan Membersih Kawasan Dan Menyelenggara Lanskap Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan | Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan | 1 April 2021 – 31 Mac 2023 (24 Bulan) |
| 6 | Perkhidmatan Pembersihan Dan Pencucian Rumah Contoh Hijauan Enklaf 3, Storey Luxury Semi-D, Setia Alam, Selangor Darul Ehsan | Rumah Contoh Hijauan Enklaf 3, Storey Luxury Semi-D, Setia Alam, Selangor Darul Ehsan | 1 Feb 2021 – 31 Jan 2022 ( 12 Bulan ) |
| 7 | Perkhidmatan Pembersihan Dan Pencucian Rumah Contoh Hijauan Enklaf 3, Storey Luxury Semi-D, Setia Alam, Selangor Darul Ehsan | Bahagian Urus Harta Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) | 1 Feb 2021 – 31 Jan 2022 (12 Bulan) |
| 8 | Perkhidmatan Pembersihan Dan Pencucian Kawasan Awam Di Menara Worldwide, Bukit Bintang, Kuala Lumpur | Menara Worldwide, Bukit Bintang, Kuala Lumpur | 1 Ogos 2021 - 31 Julai 2022 (12 Bulan) |
| 9 | Perkhidmatan Pembersihan Dan Pencucian Pejabat Di MSU @ Platinum Sentral, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur | MSU @ Platinum Sentral, Kuala Lumpur Sentral | 9 Mac 2021 – 8 Mac 2022 (12 Bulan) |




MENARA WORLDWIDE
MSC




the PEEPS




msu


msu
Welcome to msu OPEN DAY
You are invited to msu OPEN DAY









# Halatuju Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd.

## VISI

**Menjadi sebuah organisasi terulung dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memenuhi *Service Level Agreement* (SLA) dan memaksimumkan keuntungan syarikat.**

## MISI

**Meningkatkan produktiviti secara konsisten dalam memenuhi keperluan *Service Level Agreement* (SLA) serta memberikan pulangan yang besar kepada pemegang saham dalam tempoh 5 tahun.**

## SASARAN

- **Meningkatkan kepuasan pelanggan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) melalui *Service Level Agreement* (SLA)**
- **Menambah nilai dan memaksimumkan keuntungan TERAS**
- **Memperkasa Pengurusan TERAS**

## PERANCANGAN BERPAKSIKAN 3 FOKUS UTAMA

- **Melengkapkan keperluan makanan dan pakaian seragam sekolah asnaf**
- **Asnaf Tingkat Pendapatan**
- **Asnaf Keluar Daripada Kemiskinan**

## KPI Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd 2021

| KPI | SASARAN TAHUNAN | PENCAPAIAN | INDIKATOR | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah Agihan Zakat | RM20.46 juta | RM19.93 juta | | 97.41% dibelanjakan daripada sasaran Agihan sehingga Disember 2021 |
| Bilangan Asnaf Yang Berjaya Dikeluarkan | 30 orang | 58 orang | | Mencapai sasaran |
| 40% usahawan asnaf yang dipantau meningkat purata pendapatan ≥ 15% | 40% | 53% | | Mencapai sasaran |
| Kejayaan melaksanakan penghantaran Bantuan Makanan Bulanan (BMB) | 100% | 100% | | Mencapai sasaran |
| Kejayaan kepuasan pelanggan bagi agihan BMB | ≥ 90% | 96.26% | | Mencapai sasaran |
| Bilangan peserta bengkel jahitan berpendapatan RM500/bulan | ≥ 60% | 89% | | Mencapai sasaran |
| Penyediaan Pakaian Seragam Sekolah | 72,000 helai | 80,789 helai | | 12.21% lebih berbanding sasaran tahunan |
| Kejayaan kepuasan pelanggan bagi agihan pakaian sekolah kepada asnaf fakir dan miskin | ≥ 80% | 85% | | Data sehingga 12 Januari 2022, 147 orang responden |

## Bajet, Kelulusan Dan Perbelanjaan

**Rajah 1:** Laporan Sasaran Vs. Kelulusan Vs. Belanja Sehingga Disember 2021 (RM juta)




**Rajah 2:** Pecahan Kelulusan (RM19.8 Juta) Mengikut Sektor Sehingga Disember 2021 (RM Juta)




**Rajah 3:** Pecahan Kelulusan Pentadbiran & Operasi Sehingga Disember 2021 (RM juta)



# Pembangunan Usahawan

**Rajah 4:** Jumlah Pemantauan Usahawan Berpontensi dan Jumlah Potensi Keluar Asnaf Sehingga Disember 2021




813 usahawan asnaf yang berpontensi dipantau sehingga Disember 2021 di bawah bimbingan Unit Perniagaan SPU

**Rajah 5:** Potensi Keluar Asnaf Sehingga Disember 2021

| BIL | DAERAH | USAHAWAN ASNAF BERPONTENSI 2021 | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | JUMLAH |
| 1. | Klang | 9 | 21 | 58 | 88 |
| 2. | H. Langat | 10 | 20 | 56 | 86 |
| 3. | H. Selangor | 4 | 6 | 73 | 83 |
| 4. | S. Bernam | 2 | 9 | 61 | 72 |
| 5. | Gombak | 8 | 11 | 82 | 101 |
| 6. | K. Selangor | 10 | 66 | 86 | 162 |
| 7. | Petaling | 6 | 21 | 79 | 106 |
| 8. | K. Langat | 4 | 11 | 57 | 72 |
| 9. | Sepang | 4 | 5 | 4 | 43 |
| **JUM.** | | **57** | **170** | **586** | **813** |

**Rujukan:**

- (81% - 100%) Berpontensi Keluar Asnaf 2021
- (51% - 80%) Berpontensi Keluar Asnaf 2021
- (21% - 50%) Usahawan Asnaf Berpontensi

**Rajah 6:** Bilangan Usahawan Yang Dipantau Mengikut Daerah Sehingga Disember 2021 (813 Usahawan Asnaf)



## Jahitan Pakaian

**Rajah 7:** Purata Bilangan Peserta Berkelompok (Jahitan) Berpendapatan Melebihi RM500 Sebulan Sehingga Disember 2021




**Catatan:** 32 daripada 36 asnaf berpendapatan purata melebihi RM500/Bulan (Purata : 89%)

## Agihan Makanan

**Rajah 8:** Jumlah Pengagihan Bantuan Makanan Mengikut Pusat Penghantaran di Daerah Berdasarkan Persempadanan Semula Sehingga Disember 2021




**JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA: 15,400 ORANG**

**Rajah 9:** Purata Tempoh Masa Penghantaran Sehingga Disember 2021



Majlis Agama Islam Selangor

# Laporan Program Rasmi, Lawatan & Aktiviti MAIS

2021

# Laporan Program Rasmi, Lawatan & Aktiviti MAIS

## Januari - Disember 2021

### Program Rasmi




**Jumlah 16**

### Lawatan




**Jumlah 18**

### Aktiviti




**Jumlah 112**

**JUMLAH KESELURUHAN AKTIVITI 146**

# Program Rasmi 2021




MAIS Perkenal Sistem e-Faraid - **15 Februari**



MAIS Lancar Kempen Jom Sedekah Ke Dalam Tabung Amanah Anak Yatim Selangor - **1 April**



Program Turun Padang Pengerusi MAIS Ke Daerah Sepang - Lawat Tiga Lokasi Lihat Perkembangan Hal Ehwal Islam - **8 April**



156 Jalur Gemilang Diedar Sempena Hari Kebangsaan - MAIS Edar Jalur Gemilang Kepada Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi Dan Anak Syarikat, Semarak Semangat Patriotik - **25 Ogos**



Pengerusi MAIS Rasmi Pecah Tanah Projek Perumahan Wakaf Di Jalan Meru, Klang - **28 Oktober**



MAIS Rai Mantan Anggota MAIS Dalam Majlis Jasamu Dikenang - **3 Disember**

# Lawatan Luar Ke MAIS 2021



MAIS Terima Kunjungan Al-Madinah International University (MEDIU) - **12 Januari**



Baitul Islah MAIS Terima Kunjungan AADK - **17 Februari**




MAIS Terima Kunjungan Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) - **25 Mac**



MAIS Terima Kunjungan Kolej Dar Al-Hikmah – **1 April**



MAIS Terima Lawatan Kerja Dari Lembaga Tabung Haji - **14 April**



Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Terima Lawatan Dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) - **28 Oktober**

# Lawatan MAIS Ke Luar 2021



MAIS Adakan Lawatan Rasmi Ke Pejabat Menteri Jabatan Perdana Menteri (Agama) - **2 April**



MAIS Adakan Lawatan Ke Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) – **12 April**



Pengerusi MAIS Lawat Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor (SIIAC), Erat Jalinan Ukhwah - **27 April**



MAIS Kunjungi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Selangor – Perkasa Urusan Pendaftaran Asnaf Muallaf – **30 April**



MAIS KUNJUNGI BANK RAKYAT: Perkongsian Ilmiah Berkaitan Risiko dan Pematuhan - **19 November**



MAIS Adakan Lawatan Ke Lembaga Tabung Haji Malaysia - **10 Disember**

# Aktiviti MAIS 2021



MAIS Bersama Agensi Dan Anak Syarikat Gerakkan Misi Bantuan **-15 Jan**



MAIS Hulur Bantuan Kepada Pemandu Limosin KLIA Yang Terjejas - **13 Februari**



RM545,500 Wang Fidyah MAIS Bantu 5,455 Keluarga Yang Terkesan COVID-19 - **6 Mac**



MAIS Santuni 716 Orang Asal Yang Terkesan Dengan Pandemik COVID-19 - **13 Mac**



MAIS Santuni Petugas Barisan Hadapan - Sumbangan RM28,350 Untuk 7,300 Petugas PKD, PPV Dan Hospital Di Negeri Selangor - **22 Jun**



MAIS Bantu 71 Pemandu Van Sekolah Yang Terkesan COVID-19 - **19 Julai**

Majlis Agama Islam Selangor

# Keratan Akhbar, Media Elektronik & *Online*

2021

# Keratan Akhbar, Media Elektronik & *Online*
2021

## JANUARI

UTUSAN MALAYSIA • 15 Januari 2021

### MAIS dibenar jadi pencelah

**PUTRAJAYA:** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) beroleh kebenaran Mahkamah Persekutuan untuk menjadi pencelah dalam permohonan Sisters in Islam (SIS) Forum (Malaysia) bagi mencabar satu peruntukan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor.

Peruntukan yang dimaksudkan ialah Seksyen 66A yang memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah mendengar permohonan semakan kehakiman terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh badan itu atau mana-mana jawatankuasa ditubuhkan di dalam Enakmen Pentadbiran itu.

Menurut peguam, Datuk Zainul Rijal Abu Bakar yang mewakili MAIS, Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Zabariah Mohd. Yusof membenarkan permohonan tersebut selepas mendapati badan tersebut mempunyai kepentingan langsung dalam permohonan oleh SIS itu.

Ini kerana MAIS berperanan dalam memberikan nasihat kepada Sultan Selangor berkaitan hal ehwal agama Islam negeri itu. Kerajaan Negeri Selangor diwakili Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Nur Irnawatie Daud juga tidak membantah permohonan berkenaan.

Dalam prosiding secara dalam talian itu, MAIS turut diwakili peguam-peguam Mohd. Akmal Abu Bakar dan Nor Adrie Mohd. Noor manakala peguam Fahri Azzat hadir bagi pihak SIS.

Zainul Rijal turut memberitahu Mahkamah Persekutuan menetapkan 3 Februari ini untuk pengurusan kes berkenaan.

Pada 21 Januari 2020, SIS Forum memfailkan notis usul antara lainnya memohon deklarasi bahawa Seksyen 66A Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagai tidak sah.

Pada 27 Ogos 2019, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan semakan kehakiman SIS terhadap fatwa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang menyatakan NGO itu sebagai sesat atas alasan hanya Mahkamah Syariah Selangor boleh menentukan tindakan undang-undang terhadap fatwa yang dikeluarkan pihak berkuasa agama negeri.

Mahkamah Tinggi dalam keputusannya turut menyatakan Seksyen 66A adalah ruang memohon semakan kehakiman terhadap jawatankuasa fatwa di Mahkamah Tinggi Syariah.

Menurut afidavit sokongan yang difailkan Pengarah Eksekutif SIS Forum (Malaysia), Rozana Mohd. Isa, DUN Selangor tiada kuasa untuk menggubal Seksyen 66A kerana Butiran 1, Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan hanya membenarkan ia menggubal undang-undang berkaitan Syariah ke atas orang yang menganut agama Islam.

Katanya, Seksyen 66A sebaliknya memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah Selangor ke atas jawatankuasa fatwa dan majlis agama, yang bukan merupakan "orang menganut agama Islam".

BERITA HARIAN • 21 Januari 2021

### MAIS sumbang RM200,000 kepada masjid, surau

**Shah Alam:** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memberi sumbangan RM200,000 kepada 250 masjid dan surau kebenaran solat Jumaat terpilih di negeri ini yang terjejas sumber pendapatan, susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhtar, berkata daripada jumlah itu, RM1,000 masing-masing diberi kepada 150 masjid luar bandar, manakala RM500 untuk 60 masjid dalam bandar dan 40 surau kebenaran solat Jumaat.

"Sumbangan berbentuk wang tunai itu diberi menerusi peruntukan Baitulmal MAIS. Agihan kepada masjid luar bandar sudah selesai dilaksanakan, manakala selebihnya akan diproses secara berperingkat," katanya dalam kenyataan semalam.

KOSMO • 20 Januari 2021

### Mangsa banjir Pahang terima 200 kotak makanan, pek penjagaan diri

**SOLIDARITI:** Sebanyak 200 kotak makanan dan pek penjagaan kesihatan disumbangkan kepada mangsa banjir di Temerloh, Pahang baru-baru ini.

Penghantaran kotak makanan berisi beras, tepung gandum, gula, minyak masak, barus dan ubat gigi serta sabun mandi itu diserahkan oleh Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Turut menyertai misi konvoi itu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), [illegible] Holdings Sdn. Bhd. dan Teraju Ekonomi Asnaf Selangor (Tekad).

Majlis pelepasan disempurnakan oleh Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof dan dihadiri Pengerusi YIDE, Datuk Salehuddin Hussin.



ABDUL AZIZ (tengah) melepaskan konvoi penghantaran barang makanan dan pek kesihatan untuk mangsa banjir di Shah Alam baru-baru ini.

## FEBRUARI

UTUSAN MALAYSIA • 15 Februari 2021

### MAIS sumbang 19 komputer riba

MAJLIS Agama Islam Selangor (MAIS) menyumbang 19 komputer riba kepada anak yatim yang cemerlang dalam pelajaran.

Penerima terdiri daripada anak yatim yang cemerlang dalam pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi awam (IPTA) dan Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Sumbangan membabitkan kos RM38,000 itu bertujuan menyuntik motivasi kepada penerima supaya lebih gigih dalam pelajaran.

Sumbangan diserahkan oleh Setiausaha MAIS, Dr. Ahmad Shahir Makhtar.

■ AHMAD Shahir Makhtar (kanan) menyerahkan replika cek bantuan komputer riba kepada wakil penerima di Wisma MAIS, Shah Alam, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS




KOSMO • 18 Februari 2021

### Sucikan Wang Tidak Patuh Syariah di MAIS




ABDUL AZIZ (kanan) menyerahkan poster kempen WTPS-MAIS kepada Setiausaha MAIS, Ahmad Shahir Makhtar (kiri) sebagai simbolik pelancaran kempen itu di Shah Alam semalam.

SHAH ALAM – Masyarakat di Selangor khususnya digalakkan menyucikan Wang Tidak Patuh Syariah (WTPS) dalam memastikan pengurusan harta berlandaskan hukum syarak.

[illegible]

SINAR HARIAN • 3 Mac 2021

# Bukan iktiraf golongan LGBT

MAIS hormati keputusan Mahkamah Persekutuan, tidak nafi kuasa DUN gubal undang-undang syariah

Oleh MUHAMMAD FARHANA ABDUL MANAN

SHAH ALAM

Keputusan Mahkamah Persekutuan berhubung satu kes difailkan seorang individu pada 25 Februari lalu tidak boleh dilihat sebagai pengiktirafan terhadap golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, pihaknya menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan berhubung petisyen di bawah Artikel 4(3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan yang difailkan oleh seorang lelaki beragama Islam sebelum ini.

Lelaki berkenaan dituduh dengan kesalahan cubaan melakukan persetubuhan di luar tabii di bawah Seksyen 28 yang dibaca bersama dengan Seksyen 52 Enakmen Jenayah Syariah Selangor (1995) (EJSS).

"Walaupun akur dengan keputusan Mahkamah Persekutuan itu, namun pihak MAIS menegaskan bahawa keputusan ini tidak sama sekali boleh dilihat sebagai suatu bentuk pengiktirafan terhadap golongan LGBT sama ada oleh pihak mahkamah mahupun pihak MAIS.



ABDUL AZIZ

"Ini kerana perbuatan persetubuhan sejenis atau di luar tabii adalah tetap merupakan suatu kesalahan serius di sisi agama Islam," katanya menerusi satu kenyataan di sini pada Selasa.

Susulan keputusan itu, beliau berkata, MAIS dan pihak berkuasa agama Islam di Selangor akan terus bekerjasama dengan polis bagi memastikan siasatan untuk kesalahan dilakukan individu tersebut diteruskan mengikut tatacara diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

Katanya, keputusan Mahkamah Persekutuan itu juga sama sekali tidak menafikan bidang kuasa Dewan Undangan Negeri untuk membuat undang-undang berhubung dengan kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

"Namun ia hendaklah selaras dengan peruntukan Jadual Kesembilan, Butiran 1, Senarai II (Senarai Negeri), Perlembagaan Persekutuan.

"Mahkamah Persekutuan dalam keputusannya menyatakan bahawa pihak Dewan Undangan Negeri masih boleh terus menggubal undang-undang kesalahan syariah yang meliputi kesalahan melibatkan akidah, kesalahan melibatkan kesucian agama Islam dan kesalahan berkaitan moral," katanya.

Beliau berkata, MAIS akan terus mendukung prinsip kesalahan syariah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan EJSS demi memastikan agama Islam sebagai agama Persekutuan dan negeri terus terpelihara di Malaysia dan Selangor khasnya.

Abdul Aziz sebelum itu berkata, MAIS mengadakan Mesyuarat MAIS Khas pada Isnin bagi membincangkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Iki Putra Mubarak lawan Kerajaan Negeri Selangor dan MAIS.

Khamis lalu, Mahkamah Persekutuan sebulat suara membenarkan cabaran undang-undang seorang lelaki, Iki Putra Mubarak terhadap Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

Keputusan itu sekali gus mengetepikan undang-undang syariah Selangor yang menetapkan seks di luar tabii sebagai jenayah.

Ketua Hakim Negara, Tengku Maimun Tuan Mat yang mempengerusikan panel sembilan hakim berkata, kuasa utama untuk meluluskan undang-undang jenayah terletak pada Parlimen.

Beliau berkata, Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang memperuntukkan seks luar tabii boleh dihukum adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

UTUSAN MALAYSIA • 18 Mac 2021



## Bantu institusi tahfiz

MAJLIS Agama Islam Selangor (MAIS) baru-baru ini menyalurkan sumbangan berjumlah RM500,000 kepada Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS).

Penyerahan menerusi replika cek itu disempurnakan Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof dan Pengerusi PITAS, Muhamad Hafiz Muhamad Haneefa di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam.

Sumbangan menggunakan peruntukan Baitulmal MAIS itu diserahkan kepada PITAS selaku penggerak utama institusi tahfiz al-Quran persendirian di Selangor.

Kesemua wang itu dimasukkan ke Tabung Prihatin PITAS bagi membantu menaik taraf kemudahan infrastruktur 411 Maahad Tahfiz mengikut ketetapan pihak berkuasa tempatan (PBT).

■ ABDUL Aziz Mohd. Yusof (tengah) menyerahkan replika cek sumbangan itu kepada Muhamad Hafiz Muhamad Haneefa (kanan) di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam, Selangor. – UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED

## APRIL

KOSMO • 2 April 2021

### MAIS sasar kutipan kempen Jom Bersedekah RM4 juta

## MEI

HARIAN METRO • 1 Mei 2021

### *Mais serah sumbangan RM2.02 juta kepada 27 RPA*



KOSMO • 21 Mei 2021

### MAIS kutuk serangan zalim Israel



ABDUL AZIZ

SINAR HARIAN • 16 Jun 2021

# MAIS peruntuk agihan fidyah RM2 juta

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukkan RM2 juta agihan fidyah bagi membantu 20,000 keluarga Islam yang terkesan dengan pandemik Covid-19.

Setiausahanya, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, agihan fidyah MAIS itu disalurkan kepada golongan B40, mereka yang dibuang kerja, cuti tanpa gaji, dikurangkan gaji sehingga 50 peratus atau hilang punca pendapatan.

Menurutnya, sehingga kini, MAIS telah mengagihkan sumbangan kepada 15,418 keluarga penerima dengan jumlah agihan fidyah MAIS sebanyak RM1.5 juta sejak dilancarkan pada 28 Disember tahun lalu.

"Sumbangan berupa pek barangan makanan kepada penerima yang layak dilaksanakan dengan kerjasama Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) yang terdiri daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (Teras), pertubuhan Islam bukan kerajaan (PIBK), masjid dan surau di daerah terlibat.

"RSAFM berperanan membantu mengenal pasti dan mengesahkan maklumat mereka yang memerlukan serta membantu pengagihan fidyah MAIS," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Ahmad Shahir berkata, MAIS berharap sumbangan tersebut dapat membantu meringankan beban setiap keluarga bagi memastikan mereka mendapat bekalan makanan harian mencukupi.

Justeru katanya, MAIS mengajak semua umat Islam di negeri ini yang memerlukan supaya menghubungi RSAFM.

Jika terdapat kemusykilan, pemohon boleh merujuk pegawai unit sekta Agihan Fidyah MAIS, Hafizatul Akmal Abd Jalil di talian 019-264 6277 atau Azimah Adilah Mohd Isahari (017-327 2009).




[illegible] agihan fidyah bagi membantu keluarga Islam yang terkesan dengan pandemik Covid-19.

SINAR HARIAN • 23 Jun 2021

# MAIS, JAIS bincang SOP ibadah korban

Hasil perbincangan akan dipersembahkan kepada Sultan Sharafuddin bagi mendapat perkenan baginda

KUALA SELANGOR



Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) [illegible]

## JULAI

HARIAN METRO • 22 Julai 2021



# Minimum RM940.50

Mais sumbang RM50k untuk PPE, beg mayat urus jenazah pesakit



SINAR HARIAN • 22 Julai 2021

# MAIS salur RM50,000 bantu pengurusan jenazah Covid-19

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyalurkan peruntukan RM50,000 bagi membantu menyediakan bekalan peralatan pengurusan jenazah pesakit Covid-19.



AHMAD SHAHIR

Peruntukan Baitulmal MAIS itu disalurkan kepada Amal Valley Organization yang merupakan sebuah pertubuhan dilantik oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi menguruskan jenazah Covid-19 di hospital seluruh negeri ini.

Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, sumbangan ini merupakan sokongan pihaknya kepada umat Islam di Selangor memandangkan pengurusan setiap jenazah pesakit Covid-19 perlu disegerakan pengebumiannya.

"Kami difahamkan bagi satu kematian berpunca akibat Covid-19 memerlukan kos minimum sebanyak RM940.50 seorang.

"Oleh sebab itu, sebagai kebersamaan antara MAIS bersama JAIS, kami menyalurkan sumbangan ini untuk melancarkan urusan pengebumian jenazah Covid-19," katanya menerusi satu kenyataan pada Rabu.

SINAR HARIAN • 3 Ogos 2021

## MAIS bantu rumah ibadah, pusat tahfiz

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyumbang sebanyak RM537,500 bagi keperluan masjid, surau dan pusat tahfiz di seluruh negeri ini yang terjejas akibat pandemik Covid-19 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM337,500 diperuntukkan kepada 638 masjid dan surau.

"Jumlah ini merangkumi sebanyak 316 masjid dan 322 surau yang terpilih di negeri ini mengikut senarai Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)," katanya pada majlis simbolik penyerahan replika cek MAIS di Bangunan Sultan Idris Shah di sini pada Jumaat.

Abdul Aziz memberitahu, setiap masjid terpilih itu menerima bantuan sebanyak RM500.

Sebanyak RM200,000 disumbangkan kepada Persatuan Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) membabitkan sebanyak 250 maahad tahfiz yang terkesan bagi keperluan kos utiliti dan sewaan bangunan di samping penyediaan kemudahan pembelajaran serta kebajikan pelajar tahfiz di negeri ini.

Kata beliau, sumbangan berbentuk wang tunai itu diberikan menerusi peruntukan Baitulmal MAIS.

"Pembayaran sumbangan akan dikredit dan akan dilaksanakan secara berperingkat kepada penerima.

"MAIS berharap bantuan yang disalurkan ini dapat meringankan beban terutama bagi keperluan masjid, surau dan pusat tahfiz untuk menampung bayaran bil-bil utiliti serta lain-lain keperluan kecil sepanjang pelaksanaan PKP Fasa 3 sejak 29 Mei lalu," katanya.



Abdul Aziz (tengah) bergambar bersama wakil penerima pada Majlis Simbolik Penyerahan Replika Cek MAIS di Bangunan Sultan Idris Shah pada Jumaat.

SINAR HARIAN • 3 Ogos 2021

## Semua pihak diseru hormati bacaan ayat al-Quran, al-Fatihah

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memohon semua pihak termasuk bukan Islam untuk menghormati agama Islam sebagai agama Persekutuan seperti bacaan surah al-Fatihah dan ayat suci al-Quran membabitkan semua majlis.



ABDUL AZIZ

Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berpandangan perkara tersebut perlu diberi penekanan apabila bacaan surah al-Fatihah serta ayat suci al-Quran dilaksanakan khusus kepada umat Islam yang meninggal dunia.

Menurutnya, agama Islam turut mengajar supaya menghormati di antara satu sama lain kerana ia sangat penting dalam tuntutan memuliakan dan berkasih sayang sesama manusia.

"Di Malaysia, budaya saling menghormati, hak kebebasan untuk beragama serta mengiktiraf Islam sebagai agama negara perlu dijadikan sebagai agenda utama bagi memastikan persaudaraan terus utuh dalam kalangan rakyat berbilang agama dan kaum.

"Situasi hormat menghormati ini seiring dengan Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

## SEPTEMBER

**KOSMO • 1 September 2021**



MAIS lancar kempen bantu individu hadapi masalah aqidah, sosial di Selangor

# RM16j untuk bantu 1,046 asnaf riqab

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukkan sebanyak RM16 juta bagi menyantuni 1,046 golongan asnaf riqab yang menghadapi masalah akidah dan sosial di negeri ini.

Peruntukan itu antara lain meningkatkan kumpulan asnaf yang memerlukan bantuan pemulihan, perlindungan, rawatan dan pencegahan.

Setiausaha MAIS, Dr. Ahmad Shahir Makhtar berkata, asnaf riqab merupakan golongan yang dibelenggu masalah seperti penagihan dadah, murtad, pemurtadan, haram dan amal Islam yang terpesong akidahnya.

Katanya, MAIS turut mengambil inisiatif menganjurkan satu kempen khas bagi memberi peluang kepada masyarakat mendekati golongan berkenaan.

"Kempen Bulan Pembebasan Riqab itu akan berlangsung mulai semalam hingga 30 September depan.



AHMAD SHAHIR

"Pelbagai program dan aktiviti yang yang dirangka antaranya ialah Webinar Riqab, Live Bicara As Riqab Bersatu, Ceramah Kesedaran Kesihatan dan Program Bimbingan Asnaf Riqab," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, pelancaran kempen itu disempurnakan Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof secara maya menerusi Webinar Riqab sempena Hari Kebangsaan ke-64.

Tambah Ahmad Shahir, MAIS selaku pihak berkuasa utama dalam pengurusan hal ehwal Islam di Selangor bertanggungjawab untuk melaksanakan program-program kesedaran seumpama itu.

"Program melibatkan masalah sosial dan kesihatan mental itu dilaksanakan secara dalam talian.

"Penganjuran kempen itu diharap dapat memberikan ruang dan informasi kepada masyarakat supaya mengenali asnaf riqab dengan lebih dekat," ujarnya.



ASNAF riqab merupakan golongan yang dibelenggu masalah sosial seperti penagihan dadah. – GAMBAR HIASAN

**SINAR HARIAN • 10 September 2021**

## MAIS salur dana bantu 565 keluarga

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyalurkan peruntukan berjumlah RM56,500 kepada 565 keluarga terjejas pandemik di lima daerah di Selangor.

MAIS dalam kenyataannya memaklumkan, bantuan itu disalurkan bagi membantu keluarga terjejas meneruskan kehidupan dalam tempoh pandemik Covid-19.

Menurut kenyataan itu, daripada 565 keluarga itu, seramai 192 penerima dari daerah Petaling, Hulu Selangor (79), Gombak (104), Sabak Bernam (105) dan Klang (85).

"Bantuan yang mereka terima berbentuk makanan asas seperti beras, minyak, gula, tepung dan sebagainya," kata kenyataan itu dimuat naik di Facebook rasmi MAIS pada Rabu.

Kenyataan itu memaklumkan, sebanyak 39 Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) terdiri daripada masjid dan surau di lima daerah terlibat membantu MAIS menyalurkan sumbangan tersebut kepada penerima yang telah dikenal pasti.

"MAIS mengucapkan jutaan terima kasih kepada RSAFM yang banyak membantu dalam mengenal pasti mereka yang memerlukan bantuan terutamanya ketika PKP ini," jelas kenyataan itu.

Selain itu, kenyataan itu memaklumkan, MAIS juga mengucapkan terima kasih kepada semua pembayar fidyah di negeri Selangor.

"Semoga sumbangan yang diberikan ini dapat membantu meringankan beban mereka semua," katanya.



[illegible]

**SELANGOR KINI • 15 September 2021**

## 472 keluarga lagi terima bantuan Mais

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) giat membantu 472 keluarga di sekitar Klang, Hulu Langat dan Sepang yang terjejas akibat Covid-19.

Fidyah berjumlah RM47,200 diagih dalam bentuk makanan asas seperti beras, tepung, minyak dan gula yang bernilai RM100 untuk sesebuah keluarga.

"Mais mengucapkan jutaan terima kasih kepada 21 Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS terdiri kariah surau dan masjid yang terlibat kerana memberi kerjasama menjayakan agihan sumbangan kepada penerima," katanya.

Orang ramai yang mahu menunaikan kewajipan membayar fidyah boleh melakukannya dalam talian melalui fpx.mais.gov.my/epay/fidyah.php

Pada 13 Ogos, Mais mengagihkan fidyah berjumlah RM3 juta kepada 20,000 keluarga yang terkesan akibat Covid-19 sejak awal tahun ini.

SINAR HARIAN • 24 September 2021

# MAIS sedia ambil tindakan tegas

Terhadap guru KAFA, AJK masjid dan surau yang masih berdegil tidak mahu mengambil vaksin Covid-19

SHAH ALAM



TOLAK VAKSIN COVID-19



## OKTOBER

SINAR HARIAN • 10 Oktober 2021



# MAIS salur sumbangan kepada 794 anak yatim

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyalurkan sumbangan berjumlah RM

## NOVEMBER

SINAR HARIAN • 19 November 2021

# Guru KAFA tolak vaksin boleh dipecat

Tindakan tegas bukan bertujuan menganiaya mana-mana pihak sebaliknya dilakukan mengikut SOP

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

Guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di Selangor yang masih berdegil tidak mengambil vaksin Covid-19 berdepan tindakan tegas termasuk boleh diberhentikan kerja.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, tindakan mengikut undang-undang akan diambil jika mereka masih ingkar dengan arahan ditetapkan.

Menurutnya, mengikut prosedur operasi standard (SOP), guru KAFA yang enggan menerima vaksin tidak dibenarkan mengajar dan berinteraksi dengan murid.

"Pada peringkat awal kita akan memberi amaran kepada guru terbabit dan ada kemungkinan diberhentikan," katanya pada sidang akhbar selepas Program Hari Kecemerlangan Pelatih Baitul Ehsan Kali Ke-13 dan Perasmian Dewan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di sini pada Khamis.

Abdul Aziz berkata, tindakan tegas itu bukan bertujuan menganiaya mana-mana pihak, tetapi jika mengikut peraturan pekerjaan mereka boleh diambil tindakan jika ingkar arahan majikan.

[illegible]



Abdul Aziz (kanan) [illegible] Program Hari Kecemerlangan Pelatih Baitul Ehsan Kali Ke-13 dan Perasmian Dewan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan pada Khamis.

[illegible]

HARIAN METRO • 23 November 2021

# Mais beri kelonggaran untuk 107 penyewa

**Shah Alam:** Majlis Agama Islam Selangor (Mais) memberi kelonggaran pengecualian dan pengurangan sewa kepada 107 penyewa premis serta tanah Mais.

Pengecualian berkenaan membabitkan nilai RM1,123,545.90.

Setiausaha Mais, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, ia diberi kepada penyewa premis dan tanah Mais yang terkesan membabitkan peniaga runcit, peniaga industri kecil dan sederhana (IKS) sepanjang Januari sehingga Ogos lalu berikutan penularan Covid-19.

"Mais mengambil inisiatif dengan memberi bantuan pengecualian sewa kepada penyewa didapati terkesan terutama golongan B40, peniaga kecil yang terjejas sumber pendapatan, mereka yang dibuang kerja serta individu hilang punca pendapatan.

"Manakala pengurangan sewaan membabitkan potongan sewa 30 atau 50 peratus diberikan kepada penyewa yang terpilih berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

"Mais berharap pengecualian sewaan ini dapat meringankan beban mereka terutama peniaga IKS yang terjejas pendapatan akibat pelaksanaan PKP dan penularan wabak ini," katanya.



DR Ahmad Shahir

BERITA HARIAN • 7 Disember 2021

Sidang DUN Selangor

# 576.98 hektar tanah wakaf didaftar nama MAIS

**Shah Alam:** Sejumlah 576.98 hektar tanah wakaf di negeri ini sudah didaftarkan atas nama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sehingga Oktober lalu.

MAIS adalah pemegang amanah tunggal harta wakaf mengikut Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal negeri, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, berkata daripada jumlah itu, 92.24 peratus tanah wakaf itu sudah dibangunkan dengan tujuan tertentu atas niat pewakaf yang dikategorikan sebagai Wakaf Khas.

Katanya, tanah itu dibangunkan untuk institusi keagamaan, pendidikan dan kebajikan, antaranya masjid, surau, tapak perkuburan, sekolah, pusat tahfiz, rumah anak yatim, rumah warga emas dan sebagainya.

"Sejumlah 6.69 peratus daripada hartanah wakaf itu juga dirancang dimanfaat dengan cadangan projek pembangunan yang mampu memberi nilai tambah dan meningkatkan ekonomi ummah seperti projek pembangunan perumahan, pembangunan komersial dan pembangunan bercampur.

"Selain itu, sejumlah 1.07 peratus tanah wakaf yang tidak dapat dimanfaat atau dibangunkan disebabkan faktor keluasan yang kecil, berkongsi geran serta kurang memberikan nilai ekonomi akan dilepaskan dan dijual melalui kaedah ditetapkan," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Hasnizan Mohamed Talha (BERSATU-Lembah Jaya) mengenai keluasan tanah wakaf di Selangor serta apa yang dilakukan terhadap tanah itu.

"92.24 peratus tanah sudah dibangunkan dengan tujuan tertentu atas niat pewakaf yang dikategorikan sebagai Wakaf Khas"



*Mohd Zawawi Ahmad Mughni, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor*

KOSMO • 29 Disember 2021

# Tauliah 32 aktivis politik ditarik balik

**SHAH ALAM** – Tauliah mengajar agama Islam yang diberikan kepada aktivis politik akan ditarik balik berkuat kuasa Jumaat ini.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, penarikan tauliah itu susulan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah agar agama Islam tidak dipolitikkan dan dijadikan sebagai bahan politik oleh mana-mana pihak di Selangor khususnya di masjid dan surau.

Katanya, Sultan Sharafuddin tidak perkenan tauliah mengajar agama Islam diberikan kepada mana-mana aktivis politik kerana dikhuatiri boleh disalahgunakan untuk kepentingan parti politik.

Ini akhirnya akan membawa kepada fitnah, perselisihan dan perpecahan umat Islam di Selangor serta mencemarkan agama Islam.

"Selaras titah baginda itu, Jawatankuasa Tauliah MAIS akan menyemak semula semua tauliah mengajar agama Islam yang telah dikeluarkan kepada pemegang tauliah di Selangor.

"Mana-mana tauliah yang telah diberikan kepada aktivis politik akan ditarik balik berkuat kuasa pada 31 Disember ini," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Difahamkan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada 1 Disember lalu telah mengeluarkan Surat Penarikan Balik Tauliah Mengajar Agama Islam kepada 32 orang pemegang tauliah yang aktif atau menjawat jawatan dalam parti politik.

Abdul Aziz, bagaimanapun berkata, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang memegang portfolio agama Islam masih boleh menyampaikan pengajaran agama Islam dengan syarat tidak menyentuh hal berkaitan politik dalam perkara yang disampaikan.



ABDUL AZIZ

"Mana-mana tauliah yang telah diberikan kepada aktivis politik akan ditarik balik berkuat kuasa pada 31 Disember ini."

Tegasnya, pengecualian ini juga adalah selaras dengan titah Sultan Sharafuddin.

"Adalah diingatkan mengajar agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah Seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 119 Enakmen yang sama.

"Sabit kesalahan, boleh dihukum denda RM3,000 atau penjara dua tahun atau keduaduanya sekali," jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, mana-mana orang yang mengingkari atau mempertikaikan titah Sultan Selangor berhubung dengan penarikan balik tauliah mengajar agama Islam adalah merupakan suatu kesalahan di bawah perenggan 12(a) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

"Kesalahan itu turut memperuntukkan hukuman sama iaitu denda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan sehingga dua tahun atau keduaduanya," katanya.

# Siaran Radio 2021



















Celik PEWARISAN & BAITULMAL
Anak Angkat dan Anak Susuan


CELIK PEWARISAN & BAITULMAL MAIS "Anak Angkat dan Anak Susuan"
Ustaz Indera Shahril (Pengarah Baitulmal MAIS)


Celik PEWARISAN & BAITULMAL
Waris-Waris Asobah


Ustaz Salleh Saha
CELIK PEWARISAN & BAITULMAL (MAIS) "Waris-Waris Asobah"

# Siaran TV 2021















PKP 3.0 | SUMBANGAN FIDYAH MAIS


TEGUH KITA, MENANG BERSAMA
PRIHATIN MAIS: TANGGUNGJAWAB & PERANAN TANGANI MASALAH SOSIAL
USTAZAH HAFIZATUL AKMAL ABD JALIL
JUMAAT, 17 SEPTEMBER 2021


TEGUH KITA, MENANG BERSAMA
MAIS: MUDAHKAN PENDAFTARAN MUALLAF
USTAZ SUHAIMI ISMAIL
PENGARAH PEMBANGUNAN SOSIAL, MAIS
JUMAAT, 22 OKTOBER 2021
9.30 PAGI


CERITA PAGI




CERITA PAGI





Majlis Agama Islam Selangor

# Anugerah & Pengiktirafan
2021

SIRIM QAS INTERNATIONAL

# *SIJIL*

QUALITY SYSTEM
SIRIM

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
**TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA**
**BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH**
**PERSIARAN MASJID, SEKSYEN 5**
**40000 SHAH ALAM**
**SELANGOR DARUL EHSAN**
**MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

## ISO 9001:2015

*SISTEM PENGURUSAN KUALITI - KEPERLUAN*

IQNet

Skop Pensijilan

**PERKHIDMATAN DAN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM MERANGKUMI PENGURUSAN:**

1) **HARTA BAITULMAL (HARTA PUSAKA, WASIAT DAN WANG TIDAK PATUH SYARIAH);**
2) **PROJEK (PEMBINAAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMBERSIHAN);**
3) **HARTANAH (PENYEWAAN PREMIS DAN PENDAFTARAN TANAH BAITULMAL);**
4) **UNDANG-UNDANG (PERJANJIAN PERKHIDMATAN DAN KHIDMAT GUAMAN SYARIE);**
5) **PENYELIDIKAN (KAWALAN KAJIAN) DAN;**
6) **PERKHIDMATAN KORPORAT (LATIHAN, PENGAMBILAN PEGAWAI, PEROLEHAN, KENDERAAN, ASET, TEKNOLOGI MAKLUMAT, PERHUBUNGAN KORPORAT, KEWANGAN DAN AUDIT DALAM).**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh dikeluarkan | : | **19 Ogos 2020** |
| Tarikh asal pensijilan | : | **06 Jun 2008** |
| Tarikh luput | : | **05 Jun 2023** |
| No. pensijilan | : | **QMS 01853** |

**SIRIM QAS International Sdn. Bhd.**

**Mohd Azanuddin Salleh**
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS INTERNATIONAL

# SIJIL

QUALITY SYSTEM
SIRIM

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
**TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA**
**BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH**
**PERSIARAN MASJID, SEKSYEN 5**
**40000 SHAH ALAM**
**SELANGOR DARUL EHSAN**
**MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

**MS 1900 : 2014**
***Shariah-based Quality Management Systems – Requirements with Guidance***

Skop Pensijilan

**PERKHIDMATAN DAN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM MERANGKUMI PENGURUSAN:**
**1) HARTA BAITULMAL (HARTA PUSAKA, WASIAT DAN WANG TIDAK PATUH SYARIAH);**
**2) PROJEK (PEMBINAAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMBERSIHAN);**
**3) HARTANAH (PENYEWAAN PREMIS DAN PENDAFTARAN TANAH BAITULMAL);**
**4) UNDANG-UNDANG (PERJANJIAN PERKHIDMATAN DAN KHIDMAT GUAMAN SYARIE);**
**5) PENYELIDIKAN (KAWALAN KAJIAN) DAN;**
**6) PERKHIDMATAN KORPORAT (LATIHAN, PENGAMBILAN PEGAWAI, PEROLEHAN, KENDERAAN, ASET, TEKNOLOGI MAKLUMAT, PERHUBUNGAN KORPORAT, KEWANGAN DAN AUDIT DALAM).**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh dikeluarkan | : | **19 Ogos 2020** |
| Tarikh asal pensijilan | : | **10 November 2017** |
| Tarikh luput | : | **05 Jun 2023** |
| No. pensijilan | : | **QMS-I 00134** |

**Mohd Azanuddin Salleh**
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

# Direktori MAIS
## 2021

| PEJABAT & ALAMAT | NO. TEL PEJABAT / EMEL / FAKS |
|---|---|
| **IBU PEJABAT** | |
| **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**<br>Tingkat 9 & 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah<br>40000 Shah Alam, Selangor. | Tel: +603-5514 3752/3773<br>Faks: +603-5512 4042<br>Emel: pro@mais.gov.my |
| **KOMPLEKS MAIS** | |
| **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**<br>Tingkat 2 & 3, Kompleks MAIS Klang, Lot 336<br>Jalan Meru Off Jalan Kapar<br>41050 Klang Selangor Darul Ehsan. | Tel: +603-5514 3752/3773<br>Faks: +603-5512 4042 |
| **PEJABAT BAITULMAL DAERAH** | |
| **ZON UTARA** | |
| **BAITULMAL DAERAH SABAK BERNAM**<br>**PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH SABAK BERNAM**<br>Jalan Parit 1 Timur<br>45300 Sungai Besar, Selangor | Tel: +603-3224 1529 |
| **BAITULMAL DAERAH KUALA SELANGOR**<br>**KOMPLEKS ISLAM DAERAH KUALA SELANGOR**<br>45800 Kuala Selangor, Selangor | Tel: +603-3289 1393 |
| **ZON BARAT** | |
| **BAITULMAL DAERAH KLANG**<br>**PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG**<br>Bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan<br>Jalan Kota, 41000 Klang, Selangor | Tel: +603-3272 6294 |
| **BAITULMAL DAERAH KUALA LANGAT**<br>**PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KUALA LANGAT**<br>Sungai Manggis, 42700 Banting, Selangor. | Tel: +603-3187 5134 |
| **ZON TIMUR** | |
| **BAITULMAL DAERAH HULU SELANGOR**<br>**KOMPLEKS AGAMA ISLAM DAERAH HULU SELANGOR**<br>Kuala Kubu Bharu<br>44000 Hulu Selangor, Selangor. | Tel: +603-6064 1437 |
| **BAITULMAL DAERAH GOMBAK**<br>**KOMPLEKS ISLAM DAERAH GOMBAK**<br>KM16 Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang<br>68100 Batu Caves, Selangor. | Tel: +603-6131 1131 |
| **ZON SELATAN** | |
| **BAITULMAL DAERAH HULU LANGAT**<br>**KOMPLEKS ISLAM HULU LANGAT**<br>Persiaran Kemajuan, Seksyen 16<br>43650 Bandar Baru Bangi, Selangor | Tel: +603-8920 2209 |
| **BAITULMAL DAERAH SEPANG**<br>**KOMPLEKS AGAMA ISLAM DAERAH SEPANG**<br>Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang, Selangor | Tel: +603-8706 1918 |

| PEJABAT & ALAMAT | NO. TEL PEJABAT / FAKS |
|---|---|
| **LAIN-LAIN PERKHIDMATAN** | |
| **PUSAT PERLINDUNGAN WANITA BAITUL EHSAN**<br>Majlis Agama Islam Selangor<br>Jalan Raja Chulan<br>45200 Sabak Bernam, Selangor. | Tel: +603-3216 1286<br>Faks: +603-3216 1488 |
| **PUSAT PEMURNIAN AKIDAH BAITUL IMAN**<br>Majlis Agama Islam Selangor<br>Lot PT 8789, Jalan Sungai Tua<br>Hulu Yam Baharu<br>44300 Batang Kali, Selangor | Tel: +603-6075 1558<br>Faks: +603-6075 1548 |
| **PUSAT PEMULIHAN BAITUL ISLAH MAIS-AADK**<br>Majlis Agama Islam Selangor<br>Lot PT 20304<br>Jalan Air Terjun Serendah<br>48200 Serendah, Selangor. | Tel: 019-372 9627<br>Tel: 017-889 8982 |
| **PUSAT PENYELIDIKAN MAIS**<br>Wisma MAIS<br>No. 2-1-04<br>Jalan RU 3/9A, Seksyen 3<br>40000 Shah Alam. | Tel: +603-5510 8631 |

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
Tingkat 9 & 10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

+603-5514 3400

Majlis Agama Islam Selangor
mais_officialhq
maisgovmy

www.mais.gov.my